Pembangunan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan: Beberapa Fakta yang Tidak Dicatat dalam Laporan Rasmi

Mohamed Anwar Omar Din

ABSTRAK

Makalah ini merupakan satu tinjauan awal tentang dua persoalan yang tidak terdapat dalam laporan-laporan rasmi kerajaan, pertama, apakah maksud kebudayaan, kesenian dan warisan dalam konteks pembangunan, albeit *pengertian secara teknikal dalam bidang antropologi-sosiologi. Kedua, bagaimanakah pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan boleh wujud seperti adanya serta bagaimana ia beroperasi dalam konsep Malaysia. Fakta-fakta yang digunakan diperoleh daripada tinjauan lapangan yang telah dijalankan selama hampir sepuluh tahun, sejak tahun 1998 hingga kini. Di samping itu, sumber-sumber rujukan juga terdiri daripada bahan-bahan arkib. Didapati terdapat konsep kebudayaan, kesenian dan warisan secara rasmi tidak sebagaimana digunakan dalam bidang antropologi dan sosiologi. Istilah-istilah tersebut membawa pengertian yang longgar. Sungguh pun begitu, penggunaan istilah yang longgar itu adalah menepati konsep sebenar dalam bentuk praktis. Selain itu, kajian ini mendapati pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan di negara ini berlaku dalam bingkai Federalisme dan dijalankan oleh masyarakat majmuk yang bersifat* laissez-faire. *Kerajaan bukanlah satu-satunya pihak yang menjalankan pembangunan dalam aspek-aspek ini. Dihujahkan bahawa walaupun pihak kerajaan menjalankan pelbagai program pembangunan dalam kebudayaan, kesenian dan warisan namun di negara ini tidak ada kebudayaan, kesenian dan warisan yang dominan. Malah, realiti yang berlaku ialah berlakunya pembangunan identiti kumpulan etnik minoriti. Malah kebudayaan, kesenian dan warisan Melayu yang sering disebutkan "dominan" – kerana diamalkan oleh masyarakat peribumi, masyarakat majoriti dan masyarakat yang menguasai politik negara – berada pada martabat yang sama taraf dengan kebudayaan, kesenian dan warisan kaum Cina, India, Ceti, Siam, Kadazan, Iban, Orang Asli dan sebagainya.*

***Kata kunci**: Konsep kebudayaan, kesenian dan warisan; akar-umbi peradaban Malaysia; evolusi agensi kerajaan dalam pembangunan*

kebudayaan, kesenian dan warisan; peranan pelbagai kaum dalam pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan; pembinaan imej identiti Malaysia.

Pengenalan

Walaupun telah berdiri sebagai salah satu bidang pengajian yang tersendiri sejak awal 1970-an namun pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan adalah satu disiplin yang tak berbentuk (amorphous).[1] Di mana-mana negara sekalipun, penyelidikan tentang aspek-aspek ini amat kompleks; mencukupi ruang lingkup yang luas dan melibatkan begitu banyak aspek yang menjadi *subject-matter*nya. Dalam konteks Malaysia, harus diakui fakta-fakta tentang pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan oleh agensi-agensi kerajaan dapat diperoleh daripada laporan Rancangan Lima Tahun Malaysia (sejak Rancangan Malaya Pertama, 1956, hingga ke Rancangan Malaysia Ke-9 sekarang),[2] laporan tahunan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan kementerian-kementerian berkait dengannya (dari tahun 1987 hingga Mac 2004 dinamakan Kementerian Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan, dan kini, sejak Mac 2008, dinamakan Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan) dan laporan tahunan agensi-agensi di bawah kementerian berkenaan.[3] Laporan-laporan tersebut memang amat berguna kerana memberi maklumat dan fakta-fakta mengenai dasar, falsafah (misi dan visi), perangkaan, peruntukan, projek dan program yang dijalankan oleh pihak kerajaan pada tahun yang dilaporkan. Dalam penyelidikan, laporan-laporan dapat dijadikan asas atau sumber awalan di kalangan para penyelidik yang ingin memulakan penyelidikan tentang pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan di negara ini.

Walau bagaimanapun, masih banyak lagi perkara yang tidak boleh diperoleh daripada laporan-laporan tersebut. Antaranya, masih ramai orang skeptikal tentang maksud 'kebudayaan,' 'kesenian' dan 'warisan' pada nama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KEKKWA) itu sendiri. Sekiranya seseorang penyelidik itu mencari penjelasan rasmi yang tuntas, dia mungkin akan berakhir rasa kecewa. Selain itu, laporan-laporan rasmi kerajaan juga tidak mempunyai maklumat tentang bagaimana agensi rasmi kerajaan dalam hal-ehwal pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan boleh muncul seperti adanya dan beroperasi pada hari ini.

Bab 2.pmd 20 10/6/2009, 3:04 PM

Seseorang penyelidik juga mungkin akan berasa kecewa sekiranya ingin mencari maklumat tentang bagaimana sebenarnya pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan di negara ini berlaku dalam pengertian yang menyeluruh. Laporan-laporan rasmi kerajaan, baik di peringkat Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Tempatan, hanya memberi fakta dan maklumat tentang kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh badan-badan kerajaan sedangkan apabila seseorang itu berada di lapangan akan serta merta didapati pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan di negara ini bukan hanya dijalankan oleh pihak kerajaan. Terdapat banyak pihak lain yang turut terlibat dan menjadi pemain utama dalam pembangunan aspek-aspek ini termasuk kaum Cina, kaum India, orang Melayu, peribumi di Sabah dan Sarawak, dan kumpulan-kumpulan etnik lain.

Ringkasnya, penyelidikan tentang pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan yang komprehensif memerlukan satu penyelidikan yang berskala besar. Makalah ini hanyalah satu tinjauan awal untuk menjelaskan: 1) Apakah maksud kebudayaan, kesenian dan warisan yang diguna pakai oleh pihak kerajaan khususnya pada nama KEKKWA itu sendiri? 2) Bagaimanakah pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan dijalankan dalam sistem pentadbiran negara berasaskan konsep Federalisme? 3) Evolusi atau bagaimanakah agensi-agensi kerajaan dan program kebudayaan, kesenian dan warisan anjuran kerajaan dapat muncul seperti adanya pada hari ini? 4) Bagaimanakah aspek-aspek kebudayaan, kesenian dan warisan kaum-kaum di negara ini, termasuk di kalangan orang Melayu, kaum Cina, kaum India, peribumi dan etnik minoriti, membangun dan berterusan sehingga ke hari ini? 5) Apakah pandangan orang bukan-Melayu terhadap dasar-dasar kerajaan dalam pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan, khususnya pandangan kaum Cina terhadap Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK)? Dan 6) Apakah isu-isu yang timbul daripada pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan ke atas pembinaan identiti bangsa Malaysia?

Masih banyak persoalan yang belum dijelaskan seperti peranan NGO dan masyarakat umum dalam pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan. Satu penulisan menyeluruh tentang persoalan-persoalan tersebut memerlukan ruang yang banyak. Harus diulangi bahawa makalah ini tidaklah bersifat menyeluruh dan disediakan moga-moga ia dapat membuka jendela bagi kajian lebih lanjut, menyeluruh dan substantif lagi.

Bab 2.pmd 21 10/6/2009, 3:04 PM

Prinsip Penjelasan Maksud Kebudayaan, Kesenian dan Warisan

Walaupun menjadi nama bagi sebuah kementerian, iaitu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, namun tidak ada penjelasan secara tuntas apakah maksud perkataan kebudayaan, kesenian dan warisan itu sendiri. Penjelasan yang diberikan dalam *Kamus Dewan* (1996) tidak dapat membezakan antara definisi kebudayaan daripada definisi peradaban. Kamus tersebut mendefinisikan kebudayaan sebagai seluruh cara hidup sesuatu masyarakat, tamadun, peradaban dan budaya. Tetapi kamus tersebut memberi penjelasan yang sama tersebut istilah peradaban.

Dalam ketiadaan penjelasan secara rasmi itu, para pengkaji memberi pelbagai tafsiran tentang perkataan-perkataan tersebut. Ramai pengkaji dan ilmuan memetik definisi *culure* yang diajukan oleh Edward B. Tylor (1871) bagi menjelaskan konsep kebudayaan yang menyatakan:

> Kebudayaan atau peradaban adalah suatu keseluruhan kompleks yang meliputi pengetahuan, kepercayaan, peraturan (kemasyarakatan), undang-undang (kemasyarakatan), adat resam, tabiat, kesenian, keupayaan dan kebiasaan lainnya yang dipelajari oleh manusia sebagai anggota masyarakat.[4]

Soalnya, adakah ini yang dimaksudkan oleh kementerian berkenaan? Sekiranya kebudayaan diertikan sebagaimana digarapkan oleh para ilmuan itu maka portfolio kebudayaan, kesenian dan warisan seharusnya diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri kerana hanya jabatan tersebut yang bersifat menyeluruh; merentasi pelbagai kementerian dan agensi kerajaan.

Ramai ilmuan terkeliru untuk membezakan penggunaan istilah kebudayaan sebagai istilah teknikal daripada istilah praktikal. Sebetulnya, definisi kebudayaan berasaskan pemikiran Tylor itu adalah istilah teknikal yang digunakan oleh ahli antropologi, sosiologi dan etnologi berdasarkan sudut pandangan yang berbeza; khusus untuk tujuan penyelidikan mereka.

Malah, ramai ilmuan yang tidak mengetahui bahawa perkataan kebudayaan itu sendiri adalah satu perkataan baru dalam masyarakat Malaysia. Sebenarnya perkataan kebudayaan hanya muncul di Malaysia pada pertengahan 1950-an.[5]

Maksud sebenar kebudayaan daripada perspektif rasmi kerajaan – atau sebagaimana diguna pakai oleh KEKKWA – dapat dilihat pada senarai aspek-aspek yang diklasifikasikan sebagai kebudayaan, kesenian

Bab 2.pmd 22 10/6/2009, 3:04 PM

dan warisan. KEKKWA menyenaraikan kebudayaan, kesenian dan warisan seperti berikut.

Kebudayaan:

1. Pakaian
2. Nilai dan Norma
3. Adat perkahwinan
4. Perayaan kaum-kaum di Malaysia
5. Permainan tradisional

Kesenian:

1. Muzik
2. Tarian
3. Nyanyian
4. Teater
5. Alat muzik
6. Seni tampak

Warisan

1. Warisan ketara seperti tapak tanah bersejarah, monumen, bangunan atau sesuatu yang tidak boleh dipindahkan, dan artifak iaitu bahan kebudayaan yang boleh dipindahkan termasuk artifak (seperti batu nisan, tekstil, ukiran kayu, manik, manuskrip)
2. Warisan tak ketara seperti ilmu, kepakaran, tradisi lisan, nilai-nilai adat dan kebudayaan, bahasa & persuratan, acara perayaan, ritual & kepercayaan, seni persembahan, seni tampak, seni perubatan tradisional, sukan dan permainan tradisional
3. Alam semula jadi
   Walaupun hanya satu senarai namun aspek-aspek yang disenaraikan di atas adalah penting kerana ia merupakan asas untuk membentuk definisi kebudayaan, kesenian dan warisan secara rasmi atau dari sudut pandangan kerajaan.

Konsep Kebudayaan, Kesenian dan Warisan

Dapat disimpulkan, berdasarkan klasifikasi aspek-aspek kebudayaan, kesenian dan warisan oleh KEKKWA seperti di atas, daripada perspektif kerajaan apa yang dimaksudkan sebagai kebudayaan, kesenian dan warisan adalah seperti berikut:

Bab 2.pmd 23 10/6/2009, 3:04 PM

Maksud Kebudayaan

Kebudayaan adalah amalan dan upacara dalam kehidupan seharian. Ini meliputi pakaian, nilai dan norma, adat perkahwinan, perayaan kaum-kaum di Malaysia dan permainan tradisional.

Maksud Kesenian

Kesenian adalah aspek-aspek yang diadakan untuk dipamer atau dipertontonkan kepada khalayak. Ini meliputi muzik, tarian, nyanyian, teater, alat muzik, seni tampak.

Maksud Warisan

Warisan adalah bermaksud aspek-aspek sejarah dan peninggalan lama dalam bentuk benda (ketara) dan bukan-benda (tak ketara).[6] Warisan Ketara meliputi tapak tanah bersejarah, monumen, bangunan atau sesuatu yang tidak boleh dipindahkan; artifak iaitu bahan kebudayaan yang boleh dipindahkan termasuk batu nisan, tekstil, ukiran kayu, manik, manuskrip. Warisan Tak Ketara meliputi ilmu, kepakaran, tradisi lisan, nilai-nilai adat dan kebudayaan, bahasa & persuratan, acara perayaan, ritual & kepercayaan, seni persembahan, seni tampak, seni perubatan tradisional, sukan dan permainan tradisional. Alam semula jadi.

Pengertian kebudayaan, kesenian dan warisan seperti diberikan di sini adalah berbeza daripada pengertian yang diberikan dalam pengajian antropologi-sosiologi. Walaupun mungkin para ilmuan tidak menyenangi dengan tafsiran ini namun dapat dihujah, sama ada suka atau tidak suka, inilah konsep kebudayaan, kesenian dan warisan daripada perspektif rasmi pihak kerajaan, khususnya KEKKWA.

Akar-umbi Kebudayaan, Kesenian dan Warisan di Negara Ini

Secara keseluruhannya, aspek-aspek kebudayaan, kesenian dan warisan di Malaysia berakar umbi daripada lapan *epoch* persejarahan seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

Bab 2.pmd 24 10/6/2009, 3:04 PM

Jadual 1: *Epoch* Sejarah Peradaban Malaysia

	***Epoch* Kemunculan Peradaban Malaysia**	**Period**
1	Melayu dan Bumiputera lain	Sediakala
2	Penaklukan Portugis	Dari tahun 1511 hingga 1641
3	Penaklukan Belanda	Dari tahun 1641 hingga 1824
4	Modenisasi di bawah imperialisme British	Dari tahun 1786 hingga 1957
5	Imigrasi kaum Cina secara beramai-ramai	Sejak 1850 sehingga kini
6	Imigrasi kaum India secara beramai-ramai	Sejak awal abad ke-20 sehingga kini
7	Pascamerdeka	Sebelum dan selepas kemerdekaan sehingga kini
8	Pascamoden	1970-an hingga kini

Selain itu, aspek-aspek kebudayaan, kesenian dan warisan di negara ini berbenih juga dari dianuti agama semua kaum di negara ini. Jadual 2 menunjukkan komposisi kumpulan agama di negara ini pada tahun 2000.

Jadual 2: Komposisi Penduduk Berasaskan Kumpulan Agama, 2000 (Dari jumlah keseluruhan penduduk Malaysia 22.6 juta orang)

Agama/Kepercayaan	**Peratus**
Muslim	53.0
Buddhist	17.3
Confucianisme, Taoistisme dan lain-lain[1]	11.6
Kristian	8.6
Hindu	7.0
Folk/Tribal	2.0
Tidak tidak dapat pasti/ *unclassified*	0.5
Keseluruhan	100.0

Nota:
[1] Termasuk kesemua bentuk kepercayaan dan pemujaan tradisional kaum Cina
Sumber: *Perangkaan Penduduk Malaysia*, bancian 2007, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jelasnya semua aspek kebudayaan, kesenian dan warisan yang terdapat di Malaysia merupakan akumulasi unsur-unsur yang membina "peradaban bangsa Malaysia" itu sendiri. Dapat dihujah bahawa apa dikatakan "peradaban Malaysia" itu bukanlah satu peradaban yang berakar

Bab 2.pmd 25 10/6/2009, 3:04 PM

dari satu benih yang tunggal tetapi satu peradaban bersifat poligenesis, iaitu, terdiri daripada gabungan peradaban-peradaban dan agama-agama yang dianuti oleh semua kaum. Setiap kaum di negara ini mempunyai sejarah, etos, memori, mitos-legenda dan nostalgia serta unsur inti tersendiri yang berbeza daripada kaum-kaum lain. Unsur-unsur ini dengan sendirinya menyebabkan "peradaban Malaysia" itu satu peradaban yang bersifat segregasi kaum. Kebudayaan, kesenian dan warisan Malaysia yang bersifat poligenesis itu dapat dibayangkan dalam pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan oleh pelbagai pihak.

Bingkai Besar Jentera Kerajaan dalam Pembangunan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan

Seperti telah dinyatakan pada bahagian awal, salah satu sebab timbulnya kesukaran untuk menanggapi apa yang dimaksudkan pembangunan kebudayaan di Malaysia – selain daripada kekaburan konsep kebudayaan, kesenian dan warisan itu sendiri – adalah kerana seseorang pengkaji itu tidak begitu memahami jentera pentadbiran Malaysia secara amnya dan sistem jentera tersebut. Huraian berikut memberi garis kasar mengenai bidang kuasa Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri berkait dengan kebudayaan, kesenian dan warisan dalam struktur pentadbiran negara.

Pertama-tamanya, harus disedari bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan konsep Federalisme. Oleh itu, berasaskan konsep ini terdapat tiga paras pentadbiran iaitu:

1. Kerajaan Pusat yang terletak di Kuala Lumpur
2. Kerajaan-Kerajaan Negeri (pada hari ini terdapat 13 kesemuanya)
3. Kerajaan Tempatan (termasuk Bandaraya Kuala Lumpur, Georgetown, Ipoh, Johor Bahru dan Kuching; dan Majlis Perbandaran; dan Majlis Daerah di seluruh Malaysia)

Ketiga-tiga peringkat pentadbiran ini terlibat dalam perancangan, penggubalan dasar, pembangunan, pelaksanaan, pemantauan, penaungan, pemberian peruntukan kewangan dan penguatkuasaan dalam aspek-aspek kebudayaan, kesenian dan warisan berasaskan bidang kuasa masing-masing.

Seperti telah dibayangkan, pihak yang memain peranan paling utama dalam hal-ehwal kebudayaan di peringkat pusat adalah KEKKWA.

Bab 2.pmd 26 10/6/2009, 3:04 PM

Kementerian tersebut mempunyai cawangan Pejabat Kebudayaan, Kesenian & Warisan Negeri di setiap negeri.

Selain itu, tersebut beberapa agensi kerajaan pusat yang turut terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan. Antara agensi kerajaan Persekutuan tersebut ialah: Arkib Negara, Jabatan Muzium & Antikuiti, Dewan Bahasa & Pustaka, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perhilitan, Jabatan Mergastua, dan Jabatan Mineral dan Sumber Asli.

Di bawah Kerajaan Negeri pula terdapat beberapa agensi atau portfolio yang memain peranan dalam pembangunan kebudayaan seperti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN), Unit Perancangan Ekonomi (UPEN) dan Pusat Penerangan Pelancong (TIC). Secara amnya agensi-agensi ini dipengerusikan oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri. Agensi-agensi berkenaan lazimnya diletakkan di bawah EXCO tertentu. Kerajaan Negeri meminta bantuan kewangan dan kepakaran dari Kerajaan Pusat untuk melakukan perancangan dan pembangunan kebudayaan.

Kerajaan negeri juga mempunyai pertubuhan sukarela (NGO) dalam kegiatan seni kebudayaan. Agensi ini secara umumnya berada di bawah EXCO Kebudayaan dan Kebudayaan Negeri.

Secara amnya Kerajaan Tempatan (meliputi Dewan Bandar Raya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah) di seluruh Negara, sama ada secara eksplisit mahupun implisit, mempunyai portfolio dalam pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan. Secara konvensinya Kerajaan Tempatan tertakluk kepada Kerajaan Negeri dalam kegiatan kebudayaan.

Dalam kerangka inilah pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan dijalankan di negara Malaysia. Sebagai maklumat tambahan, sebelum sesebuah agensi kerajaan itu, termasuk kementerian dan jabatan, dapat ditubuhkan memerlukan ada akta atau enakmen mengenainya. Akta adalah dokumen perundangan di peringkat kerajaan pusat, dan enakmen adalah dokumen perundangan di peringkat negeri. Hanya dengan adanya akta atau enakmen tersebutlah sesebuah agensi kerajaan itu boleh beroperasi daripada segi perancangan, peruntukan kewangan dan penguatkuasaan.

Evolusi Perkembangan Agensi Rasmi

Agensi rasmi dalam pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan di negara ini adalah dimulakan oleh pihak kolonial British. Aspek terawal yang diberikan perhatian adalah mengenai seni tampak, terutamanya

Bab 2.pmd 27 10/6/2009, 3:04 PM

kraf. Walaupun barangan kraf dan hasil hiliran masyarakat tempatan sudah diusahakan oleh masyarakat peribumi sejak zaman berzaman – sebagai sebahagian daripada cara hidup dan pencapaian "teknologi" mereka[7] – namun pembangunannya dalam bentuk komersil berkembang seiringan proses modenisasi yang dibawa oleh merkantilisme dan kolonialisme. Seawal abad ke-19 Stamford Raffles telah melakukan kegiatan mengutip bahan-bahan etnografi Melayu. Pada pertengahan abad ke-19 sudah ada pengembara Eropah yang datang ke Negeri-Negeri Melayu semata-mata ingin mencari alat senjata Melayu, misalnya, Innes (1974, Part 1: 201-204) mencatatkan tentang seorang Perancis yang datang ke Kuala Langat: "He seemed very much interested in Malay krises; showed us some handsome one that he had already bought from the natives, and asked Mr. Innes to make known at Langat the fact that he was willing to buy one good specimen. He wanted them, he said, in order to make presents of them to his friends on his return home."[8]

Sejak awal abad ke-20 pentadbiran British telah memberi perhatian yang agak khusus untuk memajukan kraf masyarakat peribumi dengan mengadakan pusat latihan, memberi penaungan dan juga membuka pasarannya. Menurut Wright dan Cartwright (1908: 938) di Melaka pada awal abad ke-20 "The lace made under the auspices of the Government, is also much sought after." Harrison (1911/1923: 63) mencatatkan pentadbiran British menubuhkan pusat latihan Kuala Kangsar sejak awal abad itu – "The Art School, well worth a visit, for silver and other pretty work is made there by Malays and is on sale."

Selanjutnya Harrison (1911/1923: 176) mencatatkan "In Pahang they still weave sarong, and some are produced under superintendence, bear a stamp of authenticity, and are sold through the District Officer, Pekan." Swettenham (1948: 87) mencatatkan pentadbiran kolonial membuka pusat latihan pertukangan di Kampung Baru Kuala Lumpur pada awal abad ke-20. Pentadbiran kolonial juga membuka Maktab Perguruan Sultan Idris pada tahun 1921 untuk mengajar anak muda Melayu dalam pertanian dan pertukangan tangan. Seterusnya, di Terengganu Hill (1949: 81) mencatatkan "A very fine kain lepas was included in the wedding gifts sent to Princess Elizabeth in October 1947 by the Highenesses the Sultans of Malaya." Di Terengganu, pada tahun 1948 Miss M. Dickinson yang menjadi Personal Assistant to British Adviser terlibat dalam kegiatan penenunan kain[9] (Hill 1949:75). Pada tahun 1949 (selepas Perang Dunia Kedua) terdapat Department of Industry and Commerce di Terengganu yang diasaskan oleh orang British (Hill 1949: 75).

Bab 2.pmd 28 10/6/2009, 3:04 PM

Sejak awal abad ke-20 lagi masyarakat tempatan menjual kraf mereka di kawasan yang dikunjungi pelawat seperti di Port Dickson. Harrison (1911/1923: 168-169) mencatatkan:

> *Some time ago an 'industry' was started in a very modest way at Port Dickson in the manufacture of hats. It was very successful. Everyone wanted a Port Dickson hat, and still wants one, and quite a trade has grown up. These hats are made out of the leaves of mengkuang palm (as are the grass mats so common in Malaya) from patterns of English hats. The rise of this 'industry' had had what the Western moralist considers a disastrous effected on the Malay population of Port Dickson, whose young men nowadays do nothing but exist beautifully arrayed like the flower of the field, whilst the womenfolk delicately manipulate hats, from profits providing their man with luxuries in the way of bicycles, cigarettes and all the materials for a dolce far niente existence. Thus do we do good by shealth and blush to find it harm. But as a matter of fact no great harm has been done.*

Kenyataan ini membayangkan sejak era tersebut pelancongan telah menjadi wahana kemajuan sosioekonomi masyarakat tempatan. Golongan moralist di kalangan orang Eropah mengambil berat terhadap persoalan "keasliahan" (authenticity) pada kebudayaan Melayu. Masyarakat Melayu di negeri Perak telah menghasilkan pertukangan perak dan menjual di kawasan yang dikunjungi orang luar seperti di muzium. Harrison (1911/1923: 168) mencatatkan "There is a good deal of Malay silver still remaining in remote kampungs whence it is occasionally brought and sold to the foreigner, probably to pay for some extravagance of the rising generation, a use to which family plate is put in other lands as well. Of this silver there are many specimens in the museum at Taiping and also at Kuala Lumpur. It is quite characteristic and unique and seems to owe its inspiration to no other nation." *Folkgoods* juga dijual di kawasan tersebut. Harrison (1911/1923: 169-170) mencatatkan topi dan bakul mengkuang dijual juga di muzium-muzium dan di kedai di Kuala Lumpur, Singapura dan Taiping: "These hats, and also basketry work, can be bought at Kuala Lumpur at the museum and at Messrs. C. Grenier and Sons in Old Market Square. In Taiping they are on saled at the museum, and in Singapore at Raffles Museum."

Pada 1930-an, di Singapura, barangan kraf Melayu telah mendapat tempat di Hotel Raffles. Braddel (1982: 88) mencatatkan adanya "the Malayan Arts and Crafts depot at Raffles Hotel." Dan menurut Braddel kraf Melayu itulah hampir satu-satunya barangan yang menonjolkan imej

Bab 2.pmd 29 10/6/2009, 3:04 PM

tempatan, lain-lainnya adalah barangan asing. "Shopping in Singapore has its points, but except for the Malayan Arts and Crafts depot at Raffles Hotel, and the walking-stick shops, most of the goods you will see are foreign and better procurable in their own homes. Still Singapore does present a bird's-eye view of Oriental arts, crafts, and fabrics that is not without merit, and a tour of the Asiatic shops in the evening before dinner will interest you."

Braddel (1982: 89) mencatatkan barangan tembikar Orang Dayak dari Borneo telah dipamerkan di South Kensington Museum sejak 1930-an. "In Borneo, in the very old times, the Dyaks used orang bury their dead in great Sung jars, to remove which is a highly dangerous undertaking. One such piece is (or was, when I was last in London) on loan in the South Kensington Museum, and I shall always remember the worried man that brought it, and the tale he told me of its discovery and the difficulty he had to get it out of Borneo."

Bantuan Kerajaan secara rasmi dalam pembangunan kraf bermula dengan penubuhan RIDA pada tahun 1951, sebuah agensi Kerajaan selepas ditubuhkan Sistem Ahli pada tahun 1950. Sejak era tersebut pembangunan kraf dijadikan salah satu agenda dalam program pembangunan luar bandar. RIDA menyediakan kemudahan kewangan berskala untuk memberi peluang kepada orang kampung menceburi bidang perniagaan dan perusahaan berasaskan hasilan pertanian, ternakan, makanan laut dan bahan-bahan tempatan seperti sabut, belulang/kulit, getah dan barang-barang kraf tangan seperti anyaman, tenunan, batik, tembikar, rotan dan lain-lain.

Pengeluar kraf masyarakat tempatan itu mendapat sambutan. Misalnya dalam *Berita Harian* (10 Julai 1959) dianggarkan pada tahun 1957 sejumlah RM37,000 barangan kraf telah dijual, dan pada tahun 1958 dan 1959 masing-masing berjumlah RM35,000 dan RM41,149. Antara item yang dijual ialah "periuk dan belanga laris di-beli pelawat yang masuk ke-Malaya. Kenyataan barang-barang ini di-beli orang Eropah untuk dibawa pula sebagai tanda kenangan" (*Berita Harian*, 10 Julai 1959). Daripada jumlah itu, "gerai Kelantan sahaja menjual sekurang-kurang-nya RM11,000 ia-itu barangan perak. Barang yang paling laris ada-lah periuk belangga, labu sayung dari Kuala Kangsar" (*Berita Harian*, 10 Julai 1959).

Kraf juga telah dijadikan salah satu bahan yang dipromosikan oleh DOT. Misalnya pada tahun 1968 Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Australia menganjurkan "Exhibition of Malaysian Handicrafts" di Sydney (*TMRA* 1969: 10).

Bab 2.pmd 30 10/6/2009, 3:04 PM

Selepas merdeka lebih banyak agensi Kerajaan ditubuhkan seperti Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1964 (di bawah RIDA), dan MARA ditubuhkan pada Disember 1965 (dikuatkuasakan mulai 1 Mac 1966) mengganti RIDA. Kedua-duanya di bawah Kementerian Luar Bandar. Antara objektif utama agensi-agensi berkenaan adalah untuk memajukan perusahaan kraf yang berkualiti di luar bandar sebagai salah satu program pembangunan negara.[10]

Aspek kedua yang diberi perhatian oleh pihak kolonial adalah kebudayaan. Pada tahun 1953 ditubuhkan Jabatan Kebajikan Masyarakat, yang merupakan institusi rasmi terawal dalam hal ehwal pembangunan seni kebudayaan persembahan di negara ini. Antara tujuan jabatan tersebut adalah untuk merancang dan memberi bantuan kepada kegiatan kesenian di kalangan belia. Kumpulan tarian telah ditubuhkan.

Pada awal 1950-an itu juga pentadbiran British menubuhkan Art Council untuk mengumpulkan pertubuhan-pertubuhan kesenian tempatan.

Terdapat pertubuhan-pertubuhan seumpama itu yang ditaja oleh guru-guru ekspatriat seperti Wednesday Art Group (1952) dan Selangor Art Society (1954) di Kuala Lumpur. Pembangunan persembahan tradisional berkembang pesat pada pertengahan 1955.

Pentadbiran kolonial menggalakkan pembangunan kebudayaan pelbagai kaum sebagai alat kempen menyokong pentadbiran mereka (Harper 1999: 281-282).

Selain itu, terdapat badan-badan kegiatan seni persembahan tradisional yang ditubuhkan oleh pemimpin Melayu seperti Majlis Kesenian Melayu (1956). Pertubuhan tersebut dinaungi oleh Tunku Abdul Rahman Al-Haj, Dato' Nik Ahmad Kamil dan Zainal Abidin bin Haji Abbas.

Seterusnya, pada tahun 1956 dari inisiatif Tunku Abdul Rahman Al-Haj selaku Ketua Menteri pada masa tersebut, pihak Kerajaan menganjurkan Pesta Seni Kebudayaan.

Kemudiannya pihak Kerajaan menganjurkan pesta kebudayaan sempena perayaan kemerdekaan pertama pada 31 Ogos 1957 di Kuala Lumpur.

Hanya beberapa bulan selepas merdeka, pihak Kerajaan Persekutuan menajai Kongres Kebudayaan Melayu Pertama, iaitu pada 31 Disember 1957 hingga 2 Januari 1958. Resolusi dari Kongres ini membawa tertubuhnya Majlis Kebudayaan. Majlis tersebut diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran. Ia menjadi asas penubuhan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada tahun 1964.

Pada era pascamerdeka itu terdapat beberapa institusi yang dijadikan tempat (venues) untuk mengadakan kegiatan kebudayaan iaitu, antaranya,

Bab 2.pmd 31 10/6/2009, 3:04 PM

Muzium Negara (dulunnya dinamakan Muzium Selangor), Balai Seni Lukis Negara (ditubuhkan di bawah National Art Gallery Ordinance 1959), Pejabat Rekod Kerajaan (ditubuhkan pada 1 Disember 1957 yang kemudiannya menjadi Arkid Negara pada tahun 1966), dan Dewan Bahasa dan Pustaka (ditubuhkan pada tahun 1959).

Universiti Malaya juga menjadi tempat untuk kegiatan tersebut. Selain digunakan oleh pelbagai agensi untuk mengadakan persembahan, pihak pengurusan badan-badan tersebut sendiri juga menganjurkan pelbagai program kebudayaan. Tujuan mereka adalah untuk mengetengah dan mempopularkan seni kebudayaan Melayu di peringkat kebangsaan.

Salah satu perkembangan penting dalam pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan di negara ini ialah berlakunya *Kongres Kebudayaan Melayu Pertama* 1957/1958. Kongres ini penting kerana menjadi asas penubuhan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Kerajaan menubuhkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 16 Mei 1964. Kementerian ini merupakan agensi kerajaan paling utama selepas merdeka dalam pembangunan kebudayaan. Ia mengambil alih tanggungjawab dan fungsi Kementerian Penerangan dan Penyiaran. Penubuhan Kementerian ini merupakan titik bersejarah dalam pengasasan agensi Kerajaan dalam penggubalan polisi dan pembangunan kebudayaan di peringkat nasional di negara ini. Sheppard (1972: 93) menyatakan "Interest in the revival of traditional Malay folk and court dances is being stimulated by the Ministry of Culture."

Kementerian tersebut mempunyai tiga fungsi utama. Pertama, mengadakan program untuk memajukan aspek-aspek kebudayaan. Kedua, mengadakan program sukan dan belia. Ketiga, menubuhkan cawangan-cawangan di peringkat negeri bagi menjalankan program kebudayaan, belia dan sukan.

Ini dapat membayangkan seawal kemerdekaan lagi kerajaan telah mengadakan program pembangunan kebudayaan di peringkat pusat dan juga di peringkat negeri. Pembangunan kebudayaan dijalankan bersama dengan program pembangunan sukan dan belia.

Pada tahun 1971 berlaku perubahan dalam Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Perubahan itu berlaku ekoran daripada berlangsungnya suatu kongres pada tahun tersebut yang dinamakan Kongres Kebudayaan Kebangsaan. Kongres ini merupakan lanjutan

Bab 2.pmd 32 10/6/2009, 3:04 PM

Kongres Kebudayaan Melayu Pertama pada 1957/1958 dahulu. Kongres pada tahun 1972 itu telah menggagaskan Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK).

Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK)

Terdapat tiga prinsip utama dalam DKK iaitu: (1) kebudayaan kebangsaan harus diasaskan kepada kebudayaan peribumi, (2) menerima unsur-unsur kebudayaan asing yang baik, dan (3) Islam merupakan unsur penting dalam kebudayaan kebangsaan.

Prinsip DKK yang dicadangkan Kongres Kebudayaan Kebangsaan itu meninggalkan impak yang cukup besar dalam pembangunan seni kebudayaan Melayu. Ia menganjak fungsi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sejak itu fungsi Kementerian tersebut adalah "untuk membentuk dan memelihara satu Kebudayaan Kebangsaan yang berteraskan kebudayaan tulin rakyat rantau ini, satu masyarakat belia yang bersatu padu, berdisiplin dan bergerak maju dalam bidang ekonomi dan sosial dan satu semangat kesukanan demi perpaduan kaum untuk negara."

Dengan itu, kementerian tersebut telah diberikan tanggungjawab baharu yang bebas daripada tanggungjawab asal sebagai. Ia tidak lagi merancang kegiatan kesenian bagi belia semata-mata. Sebaliknya, ia juga merupakan agensi paling utama untuk membina bangsa Malaysia yang mempunyai identiti.

Implikasi Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK)

DKK memberi impak ke atas penstrukturan semula Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Untuk membangunkan sektor kebudayaan, pada tahun yang sama (1971) struktur pentadbiran Kementerian tersebut dibahagikan kepada bahagian-bahagian tertentu. Hal ehwal kebudayaan, belia dan sukan masing-masing diketuai oleh seorang Pengarah Bahagian. Untuk tujuan pentadbiran, di peringkat pusat Bahagian Kebudayaan dibahagikan kepada empat cawangan iaitu Cawangan Penyelidikan, Cawangan Pembangunan dan Penggalakan; Cawangan Pendidikan dan Pengembangan Kesenian dan Cawangan Perhubungan; dan Urusetia.

Bab 2.pmd 33 10/6/2009, 3:04 PM

Selain itu, ditubuhkan Kompleks Kebudayaan Negara dan Tapian Gelanggang. Kompleks Kebudayaan Negara ditubuhkan pada tahun 1971 di bawah Cawangan Pendidikan dan Pengembangan Kesenian. Ia mempunyai kumpulan penari dan pemuzik tradisional yang tetap dan mengadakan persembahan secara regular. Ia mengadakan siri persembahan seni kebudayaan pada setiap tahun di dalam dan di luar negara.

Pada tahun 1977 Kompleks Kebudayaan Negara mengadakan kumpulan persembahan (penari dan pemuzik) fasa kedua. Bilangan mereka diperbesarkan. Selain itu, ditubuhkan Panggung Negara dan Taman Kebudayaan di bawahnya.

Kompleks Kebudayaan Negara merupakan "Makmal Kebudayaan" bagi memperkembangkan gerak kerja pendidikan dan pembangunan dalam bidang kebudayaan di negara ini. Ia dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975), Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980) dan Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985). Di bawah Rancangan Malaysia Kedua ia mendapat peruntukan dianggarkan RM17.7 juta. Pelaksanaannya terbantut oleh keadaan inflasi. Peruntukan sebanyak lebih kurang $2.3 juta telah diluluskan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat ia mendapat peruntukan sebanyak RM41.765 juta.

Sesungguhnya, penubuhan Kompleks Kebudayaan Negara merupakan salah satu "infrastruktur" fizikal terpenting dalam sejarah pengembangan kegiatan kesenian di negara ini.

Tapian Gelanggang (atau disebutkan juga Kompleks Pelbagai Guna) merupakan penyediaan infrastruktur untuk kegiatan kebudayaan, di samping kegiatan belia dan sukan, di peringkat negeri. Kompleks ini telah dibina di setiap negeri iaitu di Kuala Lumpur (di Kampung Pandan), Seremban, Melaka, Pulau Pinang, Ipoh, Johor Bahru, Kangar, Alor Setar, Kuala Terengganu, Kuantan, Kuching, Kota Bharu dan Kota Kinabalu. Pembinaan Kompleks ini di seluruh negara tidak dilakukan serentak. Ia dilakukan dalam tempuh Rancangan Malaysia Pertama dan bahagian awal Rancangan Malaysia Kedua iaitu dari awal 1970-an hingga pertengahan 1970-an. Kompleks tersebut mempunyai kemudahan dewan untuk mengadakan persembahan dan latihan, bilik-bilik kuliah, asrama dan kemudahan untuk kegiatan belia dan sukan. Kegiatan kebudayaan diadakan secara regular di kompleks tersebut.

Bab 2.pmd 34 10/6/2009, 3:04 PM

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia (KKKPM)

KKKPM ditubuhkan pada tahun 1987. Kementerian ini mengambil alih fungsi Bahagian Kebudayaan yang asalnya berada di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sejak itu (1987) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menjadi Kementerian Belia dan Sukan; hanya berfungsi dalam pembangunan belia dan sukan.

KKKPM ditubuhkan dengan mencantumkan Bahagian Kebudayaan dalam Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan Perbadanan Pembangunan Pelancongan (TDC). TDC ditubuhkan sejak tahun 1972 lagi. Perbadanan ini merupakan pembesaran Jabatan Pelancongan (DOT) yang telah ditubuhkan sejak tahun 1959.

Oleh itu, pada satu sisi, KKPM merupakan lanjutan Kementerian Kebudayaan, Beliau dan Sukan. Tetapi, pada sisi yang lain, ia merupakan lanjutan TDC. Ini sekali gus menyebabkan ia mempunyai dua fungsi utama iaitu untuk membangunkan kebudayaan dan juga untuk membangunkan sektor industri pelancongan negara.

Terdapat beberapa agensi di bawah KKKPM iaitu Muzium Negara, Arkib Negara, Akademi Seni Kebangsaan (ASK) – kini dikenali sebagai ASWARA, Perpustakaan Negara, Galeri Seni Kebangsaan dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia). KKKPM mengelola beberapa buah muzium yang berada di beberapa negeri seperti Muzium Arkaeologi di Lembah Bujang, Kedah; Rumah P. Ramlee; Memorial Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj; Memorial Tun Abdul Razak.

Pengambilalihan Bahagian Kebudayaan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan itu menyebabkan berlakunya perubahan di cawangan di peringkat negeri. Semasa di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dahulu hanya wujud cawangan Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri. Walau bagaimanapun, setelah ditubuhkan KKKPM telah diwujudkan cawangan Jabatan Kebudayaan Negeri dan juga cawangan Jabatan Belia dan Sukan. Maksudnya, wujud dua cawangan yang berada di bawah dua kementerian yang berbeza.

Cawangan-cawangan KKKPM di peringkat negeri menjadi pusat pemuliharaan, pengembangan dan tempat (venue) diadakan kegiatan kebudayaan bagi negeri-negeri berkenaan dengan “niche” kebudayaan tersendiri. Misalnya, cawangannya di Johor menumpukan perhatian terhadap kuda kepang dan ghazal. Di Selangor terhadap bangsawan. Di

Bab 2.pmd 35 10/6/2009, 3:04 PM

Melaka terhadap dondang sayang. Di Kelantan terhadap makyung, wayang kulit dan dikir barat. Demikianlah seterusnya di negeri-negeri lain.

Selain itu, Jabatan Kebudayaan Negeri (di bawah KKKPM) menjadi saluran bagi mendapatkan kumpulan-kumpulan persembahan kebudayaan dari peringkat akar umbi (di kampung) untuk dibawa ke pusat semasa KKKPM menganjurkan festival dan persembahan kebudayaan di peringkat pusat.

Antara festival dan persembahan kebudayaan yang utama di peringkat pusat anjuran KKKPM ialah Pesta Malaysia (1987), Pesta Makanan dan Buah-buahan (1988), Tahun Melawat Malaysia Pertama (1990), Pesta Malaysia (iaitu semasa Tahun Melawat Malaysia Kedua pada 1994), Citrawarna Malaysia bersama "Malaysia Truly Asia" (1999), Kempen Pelancongan domestik (Cuti-Cuti Malaysia) 1999, Pesta Air Nasional (2000) dan Rumah Terbuka Malaysia (2001). Para persembah (orang-orang yang melakukan persembahan) dalam festival-festival ini adalah dari kampung-kampung di seluruh Malaysia yang dikumpul dan dibawa oleh Jabatan Kebudayaan Negeri masing-masing.

Dianggarkan penganjuran Citrawarna Malaysia, Pesta Air dan Rumah Terbuka Malaysia menelan belanja antara RM1 juta hingga RM3 juta. Misalnya, *Utusan Malaysia* (3 Oktober 1999) melaporkan sebanyak RM3 juta wang awam dibelanjakan untuk menganjurkan Citrawarna Malaysia pada tahun 1999. Sesetengah pesta itu menelan belanja lebih besar daripada angka tersebut.

Fungsi pembangunan kebudayaan di bawah KKKPM itu berlanjutan sehingga tahun 2004. Pada bulan Mac 2004 kerajaan menubuhkan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KEKKWA). KEKKWA ditubuhkan dengan mengambil alih Bahagian Kebudayaan dan Kesenian KKKPM. Sejak tertubuhnya KEKKWA (sehingga Mac 2008) maka KKKPM hanya menjadi Kementerian Pelancongan (KP). Pada bulan Mac 2008 nama KEKKWA ditukar lagi menjadi Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KEKKWA)

KEKKWA mengambil alih kesemua cawangan Jabatan Kebudayaan Negeri yang asalnya berada di bawah KKKPM. Kementerian tersebut mengambil alih agensi-agensi yang berada di bawah KKKPM seperti

Bab 2.pmd 36 10/6/2009, 3:04 PM

Muzium Negara, Arkib Negara, Akademi Seni Kebangsaan (ASK), Galeri Seni Kebangsaan dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia). KEKKWA juga mengambil alih muzium dan memorial yang berada di beberapa negeri seperti Muzium Arkaeologi di Lembah Bujang, Kedah; Rumah P. Ramlee; Memorial Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj; Memorial Tun Abdul Razak.

Organisasi KEKKWA adalah seperti berikut. KEKKWA adalah di bawah pimpinan YB Menteri dan dibantu oleh seorang Timbalan Menteri. Pentadbiran adalah diketuai oleh Ketua Setiausaha dengan dua orang Timbalan Ketua Setiausaha, masing-masing bertanggungjawab ke atas kebudayaan dan warisan. Struktur organisasi Kementerian terdiri dari jabatan dan agensi berikut:

Jabatan:

- Jabatan Muzium Malaysia
- Jabatan Arkib Negara Malaysia
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
- Jabatan Warisan
- Perpustakaan Negara Malaysia
- Istana Budaya
- Akademi Seni Kebangsaan

Agensi:

- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
- Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)
- Balai Seni Lukis Negara

Era KKKPM (dari 1987 hingga Mac 2004), iaitu sebelum ditubuhkan KEKKWA, merupakan era kemuncak pembangunan kebudayaan. Pada era tersebutlah pelbagai pesta dan acara kebudayaan mula diadakan secara besar-besaran. Kementerian tersebut mempunyai dua matlamat iaitu untuk membangunkan kebudayaan dan juga pelancongan. Dengan penubuhan KEKKWA dijangkakan pembangunan kebudayaan akan lebih pesat lagi. Kementerian ini memberi fokus untuk membangunkan kebudayaan secara lebih khusus. Walau bagaimanapun, perkembangan kebudayaan, kesenian dan warisan pada era KEKKWA tidaklah sehebat pada era KKKPM.

Bab 2.pmd 37 10/6/2009, 3:04 PM

Pesta Kebudayaan Peringkat Nasional

Pesta kebudayaan yang pertama di peringkat nasional boleh ditandai oleh penganjuran Pesta Seni Kebudayaan pada tahun 1956. Pesta ini diusahakan Tunku Abdul Rahman Al-Haj yang menjadi Ketua Menteri pada masa tersebut. Dari catatan Sheppard (1972: 93) dijelaskan:

> *For a time the dances, which were a compromise between the old and the new, were extremely popular, but the Cultural Festival, or 'Pesta Seni kebudayaan,' organized in Kuala Lumpur in 1956 on the initiative of Tunku Abdul Rahman, the first Prime Minister of Malaya, gave a fresh stimulus to older dance forms, and the Ronggeng, Ma'Inang and Zapin have the largest following. More elaborate dances, such as the Asyek or Tari Ragam from the Ma'yong, continue to fascinate both dancers and onlookers when a skilled dance instructor can be found.*

Catatan ini membayangkan Pesta Seni Kebudayaan itu mengetengahkan pelbagai aspek kebudayaan tradisional tempatan dari pelbagai negeri ke peringkat nasional. Persembahan yang diadakan dalam pesta tersebut dilatih oleh guru yang mahir. Latar belakang Pesta Seni Kebudayaan 1956 itu dijelaskan oleh Tun Abdul Razak dengan kenyataan berikut:

> Kita masih lagi ingat PESTA yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun yang lalu (sic., 1956), orang-orang yang hadir menyaksikan PESTA ini tidak kurang daripada 200 ribu orang, dan sungguhpun perkara-perkara yang ditunjukkan itu ialah kebanyakannya mengenai kebudayaan Melayu tetapi bangsa asing semuanya suka melihat dan menyaksikannya. Jadi dengan ini terang dan nyatalah bagaimana Kebudayaan Kebangsaan kita patut dibentuk di masa yang akan datang dan saya yakin dan percaya di dalam bentukkan itu kebudayaan dan kesenian Melayu yang asli itu dapat menjadi asas dan rangka mahligai kebudayaan Kebangsaan yang baru kelak. Saya berharap Kongres Kebudayaan pada hari ini akan menjadi asas dan pendahuluan bagi suatu badan Kebangsaan Nasional atau Kebangsaan bagi Tanah Melayu ini. Pihak Kerajaan Persekutuan sangat memandang tinggi kepada pekerjaan-pekerjaan yang diperbuat oleh Panitia Kongres ini dan apabila timbulnya satu badan Kebudayaan Kebangsaan maka pihak Kerajaan akan memberi sokongan yang penuh bagi menggalakkan perusahaan-perusahaan di dalam lapangan kebudayaan, supaya dapat dicipta satu kebudayaan kebangsaan yang bersesuaian dengan bangsa dan negara kita yang merdeka ini (Ucapan Tun Abdul Razak dalam majlis perasmian *Kongres Kebudayaan Melayu Pertama* 1957/1958).

Bab 2.pmd 38 10/6/2009, 3:04 PM

Kenyataan Tun Razak itu sekali gus menjelaskan sejak awal kemerdekaan lagi kerajaan telah memberi perhatian khusus untuk membangunkan kebudayaan tempatan. Sejak itu kerajaan telah berhasrat untuk menjadikan kebudayaan Melayu sebagai asas kebudayaan kebangsaan. Kedudukan kebudayaan Melayu sebagai asas perancangan pembangunan kebudayaan negara itu diabsahkan dalam *Kongres Kebudayaan Melayu Pertama* yang diadakan pada akhir bulan Disember 1957 dan awal Januari 1958. Legitimasi itu masih berterusan sehingga ke hari ini. Sungguhpun begitu, kerajaan tidak mengenepikan kebudayaan kaum-kaum bukan-Melayu. Catatan Tun Razak itu juga membayangkan kebudayaan tradisional Melayu mendapat sambutan cukup besar oleh masyarakat tempatan. Ia juga menarik minat pelawat asing.

Seterusnya kerajaan menganjurkan pesta seni kebudayaan sempena perayaan sambutan Hari Kemerdekaan pertama pada 31 Ogos 1957 di Kuala Lumpur. Penganjuran pesta kebudayaan tersebut menjadikan suasana sambutan detik paling bersejarah dalam pembinaan bangsa Malaysia itu menjadi meriah dan penuh gilang-gemilang. Ertinya, penganjuran pesta kebudayaan merupakan sebahagian daripada sejarah pembinaan bangsa Malaysia. Tradisi ini berterusan sehingga ke hari ini.

Pada masa era kemerdekaan itu juga pelbagai agensi telah menganjurkan pelbagai pesta bertaraf antarabangsa. Antaranya, *Sixth's Asian Film Festival* diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1959, dirasmikan oleh DYMM Sri Paduka Yang di-Pertuan Agong pertama di Dewan Tunku Abdul Rahman (kini MATIC), Jalan Ampang. Turut hadir dalam pesta tersebut ialah Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak dan 100 orang jemputan khas. Ini merupakan suatu acara yang cukup meriah dan disiarkan dalam media massa. Peserta luar negara seramai 200 orang terdiri daripada tokoh filem dari tujuh buah negara Asia iaitu Malaysia, Singapura, Indonesia, Filipina, Jepun, Hong Kong, Taiwan dan Korea Selatan. DYMM Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong bertitah: "Pesta ini merupakan suatu penghormatan kepada Kuala Lumpur."[11] Turut berucap ialah Presiden Gabungan Penerbit Filem Asia, Mr. Masuichi Nagata dan Mr. Run Run Shaw. Pengerusi Jawatankuasa Kerja pesta ini ia Mr. Run Run Shaw. Ada beberapa buah filem Malaysia (dan Singapura) yang menang dalam pesta tersebut iaitu *Pendekar Bujang Lapok* (filem komedi terbaik), *Mahsuri* (karangan Tunku Abdul Rahman, menerima hadiah bagi cerita lama terbaik bagi sebuah negara), *Brunei* (filem dokumentasi terbaik), *United We Stand* (filem rancangan terbaik)

Bab 2.pmd 39 10/6/2009, 3:04 PM

dan *Satay* (hadiah bagi lakonan luar biasa yang dimenangi oleh Eddie Ali berusia tiga tahun). Penganjuran pesta ini sendiri dan juga perisian dalam sebahagian filem-filem tersebut secara tidak langsung memasarkan imej negara dan bangsa-kebudayaan Malaysia.

Pada masa itulah juga, iaitu pada tahun 1959, pihak Kerajaan menubuhkan Jabatan Pelancongan (Department of Tourism) – atau disebutkan DOT – untuk mempromosikan unsur-unsur kebudayaan, khususnya dalam sektor pelancongan. Jabatan tersebut tidak mempunyai kumpulan kebudayaan sendiri kerana ia berada di bawah sayap Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Objektif utama jabatan tersebut adalah untuk mempromosikan negara ini di seberang laut. Tetapi ia membiayai pesta dan acara (events) yang dianjurkan oleh agensi-agensi lain seperti Bahagian Kebudayaan Jabatan Penyiaran dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menarik pelancong. Selain itu, Pejabat Pelancongan juga meminjam kumpulan kebudayaan dari agensi-agensi berkenaan untuk mengadakan persembahan dalam acara menyambut tetamu (pelancong) asing di lapangan terbang, stesen kereta api, jeti feri dan stesen bas. Di samping itu, kumpulan kebudayaan itu juga dipinjam bagi mengadakan persembahan kebudayaan di hotel dan tempat-tempat persembahan kebudayaan.[12]

Pada tahun 1970 Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menganjurkan Pesta Pembangunan Peringkat Kebangsaan di Changkat Pavilion (bersebelahan Stadium Negara). Seterusnya, pada pertengahan 1970-an kerajaan membuka kompleks kraf di Bukit Nanas Kuala Lumpur dan pusat pelancong di Rantau Abang. Pada tahun 1974 dianjurkan Pesta Pulau Pinang.

Pesta kebudayaan terawal yang terbesar di negara ini ialah *Pesta Malaysia* pada 1987. Pesta ini dianjurkan oleh KKKPM. Seterusnya, seperti telah dinyatakan, antara festival dan persembahan kebudayaan yang utama di peringkat ialah Pesta Malaysia (1987), Pesta Makanan dan Buah-buahan (1988), Tahun Melawat Malaysia Pertama (1990), Pesta Malaysia (iaitu semasa Tahun Melawat Malaysia Kedua pada 1994), Citrawarna Malaysia bersama "Malaysia Truly Asia" (1999), Kempen Pelancongan domestik (Cuti-Cuti Malaysia) 1999, Pesta Air Nasional (2000) dan Rumah Terbuka Malaysia (2001).

Pihak yang melakukan pelaburan paling besar dalam membangunkan pesta dan persembahan kebudayaan Melayu adalah pihak kerajaan seperti KKKPM dan kini KEKKWA. Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan juga memain peranan dalam penganjuran tersebut.

Bab 2.pmd 40 10/6/2009, 3:04 PM

Tempat Persembahan Kebudayaan Melayu pada Masa Ini

Sebenarnya, pada hari ini persembahan seni kebudayaan Melayu seperti tarian, nyanyian dan muzik tradisional Melayu bukanlah sesuatu yang boleh ditonton di mana-mana atau pada bila-bila masa secara regular. Sungguhpun begitu, terdapat juga beberapa situasi (occasions) yang menganjurkannya. Antara situasi-situasi tersebut adalah seperti berikut:

- Kumpulan penari, penyanyi dan pemuzik berunsur tradisional yang dibawa oleh delegasi Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia) keluar negara untuk mempromosi pelancongan
- Persembahan di teminal-terminal lapangan terbang, pelabuhan, stesen bas dan kereta api untuk menyambut kedatangan pelancong antarabangsa pada musim-musim penggalakan pelancong
- Persembahan kebudayaan di Majlis Makan Malam yang diadakan untuk meraikan tetamu dan delegasi pembesar dari luar dan dalam negara
- Persembahan kebudayaan pada musim-musim pesta seperti Citrawarna Malaysia (sebelum tahun 1999 dinamakan Warna-warna Malaysia), semasa Perarakan Hari Memperingati Kemerdekaan, Hari Keputeraan Diraja dan Pesta Pulau Pinang
- Pertandingan seni kebudayaan seperti Pesta Tarian dan Pesta Lagu Asli
- Program seni kebudayaan di pusat pendidikan termasuk di sekolah, maktab dan universiti
- Pesta-pesta tradisional tempatan seperti Pesta Puja Umur di Kelantan dan Pesta Main Laut di Terengganu

Senarai di atas tidaklah lengkap tetapi ia dapat memberi sedikit sebanyak gambaran tentang situasi di mana persembahan kebudayaan Melayu diadakan. Dapat ditegaskan bahawa penganjuran persembahan seni kebudayaan Melayu secara agak regular lebih banyak berkembang dalam sektor industri pelancongan.

Tempat-tempat (venues) yang lazim mengadakan persembahan seni kebudayaan Melayu pada hari ini adalah seperti berikut:

- **Kampung Kebudayaan Sarawak:** mengadakan persembahan seni kebudayaan tempatan (Sarawak) dan juga seni kebudayaan seluruh Malaysia amnnya
- **Gelanggang Seni Kota Bharu:** mengadakan persembahan wayang kulit, dikir barat, makyung, rebana ubi dan kertuk, permainan

Bab 2.pmd 41 10/6/2009, 3:04 PM

rakyat seperti gasing, silat, dan mendemonstrasikan cara membuat wau, batik dan kraf

- **Restoran Seri Melayu, Jalan Conlay, Kuala Lumpur (sejak tahun 2003):** mengadakan persembahan tarian dan nyanyian Melayu tradisional untuk pelanggan restoran berkenaan pada waktu malam
- **Pusat Penerangan Pelancong di Kuala Lumpur (MATIC):** mengadakan persembahan tarian, nyanyian dan muzik tradisional, dan teater tradisional dan moden
- **Di rumah tradisional berhampiran Makam Mahsuri di Langkawi:** terdapat sekumpulan orang-orang tua menyanyikan lagu tradisional tempatan (khusus untuk pelancong)
- **Istana Kebudayaan (Kuala Lumpur):** mengadakan persembahan tarian, nyanyian, muzik dan teater tradisional
- **Pengkalan Kebudayaan di Kuala Terengganu:** mengadakan persembahan tradisional seperti Ulek Mayang, rodat, joget dan muzik seperti rebab, gamelan dan rebana, dan silat serta permainan gasing

Dilema Pembangunan Kebudayaan Melayu

Harus ditegaskan bahawa dalam senarai yang diberikan di atas hanya segelintir tempat yang benar-benar aktif mengadakan persembahan secara regular. Hanya beberapa tempat yang mengadakan persembahan secara regular, iaitu antaranya, Gelanggang Seni di Kota Bharu, Taman Kebudayaan Malaysia di Sarawak, MATIC (Kuala Lumpur) dan di rumah tradisional yang dibina berhampiran Makam Mahsuri (di Langkawi).

Sebelum tahun 2002, terdapat Pusat Kebudayaan di Teluk Bahang, Pulau Pinang. Tempat tersebut mengadakan sebuah restoran mewah dengan bangunan kayu bercirikan seni bina Melayu (Minangkabau). Ia mengadakan pelbagai persembahan tradisional tempatan dan acara perkahwinan. Walau bagaimanapun, sejak tahun 2002 tempat tersebut telah ditutup kerana jumlah pelanggan tidak mencukupi untuk menampung kos pembiayaannya. Sebahagian daripada para penarinya datang bekerja di Restoran Melayu di Jalan Conlay, Kuala Lumpur.

Selain itu, persembahan-persembahan seni kebudayaan masih diadakan dalam kehidupan seharian terutamnya di kampung-kampung dan bandar-bandar kecil. Misalnya, di Kelantan masih terdapat orang

Bab 2.pmd 42 10/6/2009, 3:04 PM

perseorangan, pihak-pihak persendirian dan pertubuhan-pertubuhan bukan-kerajaan yang menganjurkan persembahan seni kebudayaan untuk khalayak ramai. Ini termasuk persembahan dikir barat, silat jatuh, wayang kulit, paluan gendang ubi, kertuk dan selampit. Persembahan-persembahan ini diadakan di kampung-kampung.

Sebetulnya sehingga ke hari ini masa ada pihak-pihak perseorangan dan kumpulan yang mengusahakan kelangsungan kebudayaan, kesenian dan warisan di kalangan masyarakat tempatan. Misalnya, persembahan mak yong dan main pateri juga diadakan di tempat-tempat tertentu seperti pada musim Pesta Puja Umur. Persembahan-persembahan ini diadakan juga di Gelanggang Seni, Kota Bharu. Selain aspek-aspek kesenian dalam bentuk persembahan, dalam masyarakat kampung Kelantan masih mempunyai permainan rakyat seperti main gasing, congkak dan wau.

Di Terengganu, masih terdapat persembahan ulek mayang di kalangan masyarakat nelayan di sekitar Marang, Dungun dan Cukai (Kemaman). Persembahan seni kebudayaan juga diadakan di negeri-negeri lain walaupun secara sekali sekala. Di Negeri Sembilan, terdapat Pesta Adat Perpatih yang diadakan di Seri Menanti. Di Melaka, masih terdapat kumpulan dondang sayang yang mengadakan persembahan dalam kehidupan seharian. Ia dipersembahkan dalam sesetengah majlis perkahwinan dan pesta di peringkat kampung dan daerah. Di beberapa tempat, seperti di Paya Rambai dan Tanjung Keling, dondang sayang dipersembahkan di warung-warung makan pada waktu malam. Di Johor, masih terdapat persembahan ghazal, kuda kepang, hamdolok di Muar, Batu Pahat dan Pontian. Di Perak masih ada persembahan rodat. Persembahan-persembahan di pelbagai negeri ini dalam majlis-majlis perkahwinan dan pesta-pesta di peringkat kampung dan negeri.

Persembahan seni kebudayaan itu dianjurkan oleh agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Kebudayaan Negeri (cawangan KEKKWA, dulunya KKKPM), Pusat Penerangan Pelancong Negeri (TIC), Dewan Bandar Raya, Majlis Perbandaran, Majlis Daerah dan institusi-institusi pendidikan. Persembahan seni kebudayaan Melayu tersebut merupakan sebahagian daripada program pemuliharaan oleh agensi-agensi berkenaan.

Hakikat wujudnya kegiatan persembahan-persembahan kebudayaan dalam kehidupan seharian ini dapat dilihat dalam beberapa siaran televisyen, akhbar dan majalah. Seperti telah dinyatakan dalam televisyen disiarkan program *Panorama* (RTM1), *Majalah 3* (TV3), *Wanita* (TV3), *Jom Jalan-Jalan* (RTM1) dan *Suara Pantai Timur* (RTM1). Dalam akhbar seperti *Utusan Malaysia, Berita Harian, The Star,* dan *New Straits Times* terdapat ruang khas mengenai kebudayaan.

Bab 2.pmd 43 10/6/2009, 3:04 PM

Harus ditegaskan bahawa walaupun kerajaan telah menubuhkan kementerian, agensi dan portfolio serta memberi galakan dan bantuan namun kebudayaan Melayu masih belum membangun dalam pengertian yang sebenarnya. Selain tempat-tempat yang dipaparkan di atas, amat sukar ditemui tempat (venues) yang mengadakan persembahan seni kebudayaan Melayu secara regular. Ketiadaan tempat ini menyebabkan aspek-aspek kebudayaan dalam kehidupan seharian tidak dapat dipersembahkan.

Selain itu, faktor kelembapan pembangunan kebudayaan Melayu adalah kerana tidak ada tempat persembahan (venues) dan tidak berlakunya "pembinaan khalayak" (audience building) secara pesat dan berterusan. Bagi agensi-agensi kerajaan konsep pemasaran kebudayaan (cultural marketing) hanya terbatas dalam bidang promosi pelancongan atau di kalangan golongan dewasa. Mereka tidak menjadikan pembinaan khalayak, misalnya pendidikan seni di peringkat sekolah dan institut pengajian tinggi, sebagai agenda utama yang berterusan.

Pesta Bumiputera Sabah dan Sarawak

Di kalangan suku-kaum Bumiputera Sabah dan Sarawak walaupun terdapat variasi-variasi mengikut suku kaum dan tempat namun secara amnya mereka mengadakan perayaan yang agak seragam iaitu Pesta Tamu Besar. Secara umumnya pesta tersebut adalah pesta kebudayaan dan pertanian di pasar besar yang diadakan setiap tahun. Pada asasnya pesta tersebut adalah perayaan kesyukuran selepas menuai atau perolehan hasil dari laut (bergantung pada tempat dan suku kaumnya). Nama pesta itu juga bergantung tempat dan suku kaum.

Di Sabah, perayaan utama ialah Samazai di kalangan masyarakat Kadazan (pada bulan Mei). Perayaan Tamu Besar di kalangan suku-kaum lain adalah di Beaufort (Ogos), Semporna (September), Papar (September), Menggatal (September), Sipitang (Mei), Tenon (Jun), Kota Belud (Jun), Keningau (Julai), Kudat (Julai), dan Tuaran (Julai).

Di Sarawak, Tamu Besar utama dinamakan Gawai iaitu perayaan Orang Dayak pada bulan Jun. Perayaan yang sama dilakukan oleh suku kaum lain di pelbagai tempat di negeri tersebut seperti oleh Orang Ulu, Kenyah, Kayan dan Melanau.

Program tipikal (lazim) dalam Tamu Besar di Sabah dan Sarawak ialah penjualan kraf, persembahan kebudayaan, pertandingan menyumpit, *fun fair* dan tarian suku-kaum masing-masing. Setiap pesta tersebut

Bab 2.pmd 44 10/6/2009, 3:04 PM

masih mempunyai keunikan tersebut. Misalnya Tamu Besar di Kota Belud mengadakan demonstrasi orang Bajau menunggang kuda (equestrians) dalam pakain penuh berhias. Mereka juga mengadakan belaga ayam.

Sejak 1960-an pengaruh Barat telah meresap masuk ke dalam pesta-pesta Tamu Besar di Sabah dan Sarawak. Misalnya, telah diadakan pertandingan yang memperagakan wanita dalam permainan, perarakan kereta berhias, dan pertandingan kedai berhias. Sesetengah Tamu Besar seperti di Papar (di kalangan orang Kadazan) diadakan pertandingan tenis, hoki, badminton dan bola tampar. Tamu Besar di Tenon diadakan perlawanan boleh wanita, perarakan lampu, pertandingan ratu kebaya dan pertandingan ratu cantik, pertunjukan orkid, sepak raga, boxing, langsaran dan pertandingan minum tapai.

Penglibatan Sabah dan Sarawak dalam pembangunan kebudayaan adalah seiringan dengan pembangunan pelancongan. Pembangunan ini bermula sejak kedua-dua negeri berkenaan menyertai Malaysia pada 1963. Pesta Gawai di Sarawak dan Samazai di Sabah merupakan antara objek yang paling utama dipertonjolkan dalam alat promosi pelancongan Malaysia sejak era tersebut. Pada satu sisi, tujuannya adalah untuk mengimbangkan pembangunan wilayah antara Semenanjung dengan negeri-negeri Malaysia Timur tersebut. Pada sisi yang lain, tujuannya adalah kerana festival Sabah dan Sarawak mempunyai nilai eksotis dan authentic yang dapat menarik pelancong ke negara ini.

Gawai di Sarawak dan Samazai di Sabah adalah hari cuti umum begitu negeri-negeri berkenaan. Dalam pelancongan, kedua-dua pesta tersebut telah diwartakan oleh Kerajaan Pusat secara rasmi sebagai antara perayaan dalam program Rumah Terbuka Malaysia. Perayaan tersebut ditaja oleh Kerajaan Pusat (melalui KKKPM dan kini di bawah KEKKWA) bersama Kerajaan Negeri masing-masing.

Penglibatan kebudayaan masyarakat Sabah dan Sarawak berlaku secara natural. Ini kerana kedua-duanya dijalankan oleh masyarakat-masyarakat berkenaan sebagai sebahagian daripada cara hidup mereka. Unsur-unsur asasi dalam perayaan-perayaan tersebut membawa nilai eksotis dan authentic berbandingan kebudayaan Melayu kerana berakar umbi dalam kehidupan masyarakat asli yang masih belum “dinodai” oleh pengaruh asing khususnya dari modenisasi Barat. Kedudukan kebudayaan masyarakat-masyarakat berkenaan ditanggapi oleh para pelancong sebagai masih berada di “off-beaten tracks” iaitu di luar pengaruh modenisasi. Sekiranya pihak Kerajaan tidak memberi bantuan sekalipun kebudayaan tersebut dapat terus kerana ia adalah amalan kehidupan yang berkait dengan ritual kepercayaan.

Bab 2.pmd 45 10/6/2009, 3:04 PM

Pandangan Kaum Bukan-Melayu Terhadap Pembangunan Kebudayaan oleh Kerajaan

Kaum Cina hampir semuanya memperjuangkan konsep "Malaysian Malaysia" iaitu bangsa Malaysia sebagai bangsa "masyarakat-majmuk yang liberal" melalui sistem meritokrasi. Misalnya, 2095 buah pertubuhan kaum Cina dari pelbagai badan kepentingan, meliputi parti politik pembangkang dan penyokong Kerajaan (termasuk MCA dan GERAKAN) daripada kesemua peringkat bergabung di bawah kesatuan *Suqiu* (ditubuhkan pada 16 Ogos 1999), secara konsensus mengeluarkan resolusi bahawa "Negara kita ialah negara yang berbilang kaum."

Konsep "Malaysian Malaysia" itu adalah bertentangan arah dengan objektif kerajaan. Pertentangan itu dapat dilihat pada inti konsep "Malaysian Malaysia" itu sendiri yang memperjuangkan supaya:

1. Meritokrasi iaitu menghapuskan sistem kuota yang berasakan kaum dalam semua bidang dan gantikan dengan sistem pengagihan yang berasaskan "kebolehanan" (means-tested sliding scale or merit) harus dilaksanakan dengan serius dan berkesan
2. Menghapuskan sistem Tanah Simpanan Melayu[13]; dan
3. Menjadikan bahasa ibunda semua kaum sebagai salah satu bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan pengantar yang sama taraf dengan bahasa Melayu

"Konsep" pembinaan bangsa Malaysia berintikan "Malaysian Malaysia" ini sentiasa dijadikan resolusi dalam hampir setiap perhimpunan kaum Cina. Antara contoh yang penting adalah resolusi yang diajukan oleh persidangan *Chinese Associations' Memorandum on the Post-1990 Malaysian Economic Policy* (14 Julai 1989 di Kuala Lumpur) yang melibatkan hampir kesemua badan kepentingan kaum Cina di negara ini yang dengan tuntas menggariskan prinsip pembinaan bangsa Malaysia seperti berikut:

To foster National Unity using:

- Race-free criteria based on socio-economic NEED and MERIT to replace the racial quota system under the NEP (*vis*. DEB);
- A liberal policy based on fair and open competition;
- Strict adherence to human and democratic right of the rakyat;
- Respect for the international guidelines on worker's right and labour conditions;

Bab 2.pmd 46 10/6/2009, 3:04 PM

- A fair land policy for all Malaysians irrespective of ethnicity and just distribution of new land schemes and idle land to farmers of all ethnic communities;
- Respect for the rule of law, democracy, justice and human rights;
- Encouragement of cultural democracy, especially mother tongue education;
- Promote National Unity and inter-cultural harmony, the distinction between 'bumiputras' and 'non-bumiputras' should be abolished;
- Our cultural policies should not detract from the fundamental principles entrenched in the UN Declaration of Human Rights, the Federal Constitution and *Rukun Negara*.[14]

Persepsi begini bersemadi dengan utuhnya pada setiap individu, setiap parti politik,[15] setiap pertubuhan ekonomi, pertubuhan sosial, pertubuhan profesional dan pertubuhan budaya dan pertubuhan bukan-kerajaan di kalangan kaum Cina di seluruh negara ini (antaranya lihat dalam Ling Liong Sik *et. al.* 1988; King Long 1987; Kua 1990a, 1990b, 1985a, 1985b, 1987; Lim Teck Ghee and Gomes 1995; Goh Ban Lee 1991; Tan Loong-Hoe 1981). "Perjuangan" kesamarataan hak dan kedudukan yang sama taraf untuk semua kaum dalam semua aspek, meliputi ekonomi, politik, pendidikan, dan sosial serta budaya itu boleh dianggap suatu "ideologi" di kalangan kaum Cina. Ini kerana ia menjadi inti perjuangan sejak zaman-berzaman. Contohnya, pada sebelum merdeka dan Zaman Darurat mereka sanggup mati mengadai jiwa dan raga demi mempertahankan "perjuangan" tersebut melalui gerakan Koumintang dan Parti Komunis Malaya (PKM).

Dalam perjuangan "konsep bangsa Malaysia" seperti itu mereka menegaskan bahawa 1) kepimpinan (politik) negara di bawah orang Melayu tidak boleh melakukan diskriminasi dalam bidang ekonomi, 2) kebudayaan dan politik negara ini tidak boleh diasaskan kepentingan orang Melayu melalui perundangan (misalnya, Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Akta Pendidikan, Akta Bahasa, Dasar Ekonomi Baru dan dasar-dasar pembangunan lain), dan 3) tindakan *affirmatif* dan jentera pentadbiran untuk membantu orang Melayu dan Bumiputera lain harus dihapuskan. Misalnya, menurut mereka, *tindakan affirmatif* Kerajaan terutamanya melalui DEB, termasuk pemberian bantuan melalui MARA, skim ASB/ASN, biasiswa, subsidi dan kakitangan awam yang dikhaskan kepada orang Melayu itu, bukanlah usaha sebenar untuk mengurangkan jurang perbezaan taraf sosioekonomi antara kaum tetapi lebih merupakan suatu tindakan "memberi kesenangan mudah" kepada kaum Melayu yang akhirnya hanya menimbulkan keretakan antara kaum.

Bab 2.pmd 47 10/6/2009, 3:04 PM

Daripada segi budaya, mereka melihat Akta Bahasa, Akta Pendidikan dan DKK (Dasar Kebudayaan Kebangsaan) sebagai "tindakan paksaan perkauman" secara sempit yang juga akan menimbulkan perpecahan dan konflik kaum. Malah, sikap begini turut dipegang oleh golongan intelektual mereka. Misalnya, Lim Teck Ghee dan Gomes (1995) yang mengkritik DKK (Dasar Kebudayaan Kebangsaan):

> *The inherent ethnocentrism and cultural chauvinism coupled with the confused and generally narrow interpretations of NCP (*sic, *DKK) have also resulted in the policy being implemented in ways that exacerbated ethnic polarisation and national disharmony*.[16]

Harus juga diperhatikan bahawa "perjuangan" kaum Cina itu bukanlah tidak disandarkan kepada lunas perundangan negara. Ia dilandaskan kepada peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Perkara 3-4, dan 8) dan Rukun Negara sendiri. Ini kerana dokumen-dokumen rasmi tersebut sememangnya mempunyai peruntukan tentang "keharusan" wujudnya masyarakat-majmuk yang liberal dan kesamarataan dalam hampir kesemua aspek di kalangan pelbagai kaum di negara ini.

Sebagaimana dapat dilihat dalam petikan-petikan di atas, kaum Cina mengeksploitasikan seoptimum mungkin peruntukan "liberal" dan "kesamarataan" dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan Rukun Negara itu. Di samping itu, mereka juga menyandarkan "perjuangan" mereka itu kepada nilai Kemanusiaan Sejagat sepertimana diperuntukkan dalam Piagam Hak Asasi Kemanusiaan yang digagaskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Penggunaan "kayu ukur" dan nilai-nilai Hak Kemanusiaan itu merupakan testimoni sifat diaspora kaum ini kerana kayu ukur dan nilai tersebut merentasi (transcend) polisi negara seperti DEB, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Rancangan Lima Tahun Malaysia dan dokumen-dokumen rasmi kerajaan lain.

Sekiranya diukur berasaskan gagasan pembinaan bangsa yang dianjurkan oleh diskusi dalam himpunan ilmu khususnya dalam bidang sosiologi-politik (seperti oleh Anderson 1991: 100-101, dan Smith 1995: 86) maka konsep pembinaan bangsa Malaysia di kalangan kaum Cina yang bersifat "unstructured plural-society" itu mempunyai dua lapisan pengertian. Pertamanya, ia merupakan suatu usaha pemupukan semangat dan gerakan ke arah wujudnya etnosentrisme di peringkat nasional. Keduanya, pada masa yang sama ia merupakan suatu usaha pemupukan semangat dan gerakan ke arah wujudnya satu bangsa diaspora di peringkat

Bab 2.pmd 48 10/6/2009, 3:04 PM

global. Suatu penyelidikan dalam pembangunan pelancongan akan dapat membuktikan dua lapisan kecenderungan kaum Cina ini. Sifat diaspora dan globalik kaum Cina itu dapat dilihat pada kesungguhan mereka mempertahan dan memulihara *Chinatown*, tarian singa, tarian naga dan seni bina mereka sebagai produk pelancongan. Mereka melakukan pemuliharaan rumah kedai, kongsi dan nama jalan (sekadar beberapa contoh) atas alasan demi kepentingan pembangunan pelancongan negara.

Pembangunan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Kaum Cina

Kebudayaan Cina telah bertapak di negara ini sejak bertapaknya kaum tersebut. Boleh dispekulasi bahawa pesta di kalangan orang Cina telah wujud di negara ini sejak wujudnya kaum Cina itu sendiri di negara ini bukanlah tidak berasas. Misalnya, dalam *Sejarah Melayu*, sebuah catatan mengenai Zaman Kesultanan Melayu Melaka abad ke-15 dan 16 itu disebutkan perkataan "tanglong" (*Sejarah Melayu* edisi Shellabear 1977: 164). Ia adalah suatu istilah Cina dan sekali gus membayangkan "acara kebudayaan" Cina itu sudah dianjurkan sejak zaman kesultanan Melayu itu lagi. Rathborne (1984: 229) mencatatkan kaum ini telah mengadakan perarakan secara besar-besaran di Taiping pada 1883. Perarakan tersebut boleh dianggap acara perarakan umum pertama pada zaman moden di negara ini.

Kaum Cina merupakan pihak terawal yang mempunyai organisasi tersusun dalam pembangunan kebudayaan di negara ini. Organisasi mereka yang terawal dalam bidang ini ialah pihak pengurusan kuil dan rumah kongsi (clan houses). Selain untuk tujuan keagamaan, kegiatan kebudayaan dijalankan oleh pihak berkenaan untuk mengeratkan perhubungan tali silaturahim di kalangan anggota yang berada dari tempat asal yang sama. Sejak 1840-an terdapat seorang jutawan Cina yang sangat terkenal, dikenali sebagai Whampoa, yang telah membuka "taman kebudayaan." Turnbull (1977: 66-67) menjelaskan:

> *There was a great gulf between the way of life of prosperous Asians and the mass of the population, but there was plenty of entertainment to temper the hardships of life. Troupes of strolling players performed frequent Wayang, or theatrical entertainment, in the streets. Most of the numerous religious festivals were celebrated with processions and public festivities. At Chinese New Year whimper opened his gardens to the public and the place became a fairground, with throngs of merry-makers and hawkers.*

Bab 2.pmd 49 10/6/2009, 3:04 PM

> *The gambling laws lifted for a fortnight at Chinese New Year, and indeed gambling and cock fighting were carried on widely all year round with the connivance of the police.*

"Taman kebudayaan" ini bukan sahaja dapat dianggap taman kebudayaan pertama tetapi juga "taman hiburan" pertama pernah ditubuhkan di rantau ini. Taman-taman hiburan lain, termasuk BBP Park dan New World di Pulau Pinang, Ipoh dan Kuala Lumpur, hanya muncul pada abad ke-20.

Pada prinsipnya kaum Cina hanya membangunkan kebudayaan, kesenian dan warisan kaum Cina. Sekiranya ada kebudayaan lain dibangunkan oleh kaum Cina, kebudayaan tersebut adalah kebudayaan moden-Barat.

Objek-objek kebudayaan utama yang dibangunkan oleh kaum Cina ialah *Chinatowns*, kuil, kongsi, rumah kedai, pesta ritual, kraf, antikuiti dan kubur. Kesemuanya berakar umbi dari Tanah Besar China. Hasil kebudayaan Cina itu lebih *visible* dan ditanggapi lebih unik dan mempunyai sejarah yang panjang dan besar (bestari) berbanding dengan kebudayaan Melayu. Di samping itu, aspek-aspek kebudayaan Cina mempunyai reputasi yang cukup gah di seluruh dunia kerana sejak sekian lama dikenali sebagai aspek-aspek kebudayaan yang berakar umbi daripada salah satu peradaban tertua di dunia (Braddel 1982: 21-35; dan inilah sering disebut dalam bahan-bahan promosi pelancongan Malaysia). Dalam konteks pelancongan Malaysia, satu keistimewaan kebudayaan Cina ialah kesemuanya berada dalam legaran pelancongan kerana diamal dan dimanifestasikan di bandar utama yang dilawati pelancong seperti Melaka, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Kaum Cina merupakan permastautin bandar dan mendominasi sektor perbandaran, termasuk bandar-bandar tersebut.

Chinatown di Malaysia tidak berbeza daripada *Chinatown* di seluruh dunia.[17] Secara lebih khusus, *Chinatown* yang menjadi produk pelancongan Malaysia pada hari ini ialah Petaling Street di Kuala Lumpur, Campbell Street dan Penang Road/Bishop Street di Georgetown, dan Jonker Street di bandar Melaka. Brosur terbitan *Tourism Malaysia* (2004) mengiklankan "Chinatown is so large and well-preserved that you will sense and feel the lifestyle of Chinese immigrant settlers even today who came here in the 1880's. Visitors will be intrigued by the many clanhouses, shophouses and temples found along the streets, which reflect the heritage let behind. Stepping into these streets certainly take you back in time."

Bab 2.pmd 50 10/6/2009, 3:04 PM

Demikianlah antara gambaran tentang bagaimana *Chinatown* dipromosikan dalam sektor pelancongan oleh agensi kerajaan sendiri. Ia dipertonjolkan dengan begitu gah sekali. Malah, pihak kerajaan turut membangunkannya demi kepentingan pelancongan. Misalnya, pada tahun 2002 pihak DBKL telah membelanjakan sebanyak RM10 juta membangunkan semula Petaling Street. Pada masa sekarang tempat itu – yang selama ini hanya tempat parking terbuka pada waktu siang hari – telah mempunyai bumbung peneduh kekal.

Pesta-pesta utama kaum Cina ialah Tahun Baharu Cina, Hari Vesak, Pesta Kuih Bulan, Cap Goh Mei, Hari Kelahiran Maharaja Jad, Ban Hood Huat, Ching Ming, Pesta Hantu Lapar, Perayaan Roh Tua Pek Kong, Pesta Sembilan Maharaja Tuhan, Hari Kelahiran Dewa Chor Soo Kong, Hari Kelahiran Kwong Teck Sun Ong dan Pesta Tujuh Adik-Beradik Perempuan.

Pada hari ini terdapat begitu banyak pertubuhan Cina yang menganjur, membiayai, memberi subsidi dan menaungi pesta-pesta berkenaan, antaranya, Persatuan Kebudayaan (NGO), Dewan Perdagangan dan Perniagaan Cina, rumah kongsi (persatuan suku kaum Cina), kuil, pelbagai pergerakan pemuda, orang perseorangan dan keluarga, dan parti politik Cina.[18] Parti-parti politik kaum Cina seperti MCA (Malayan Chinese Association), GERAKAN (Progressive Party), malah DAP (Democratic Actions Party, sebuah parti politik pembangkang) turut memainkan peranan penting dalam penganjuran pesta Cina ini. Tempat (venues) pesta-pesta berkenaan dianjurkan lazimnya di kuil, rumah kongsi, dewan perdagangan Cina, hotel dan juga di dewan perhimpunan parti politik seperti Dewan San Choon dan Wisma MCA milik MCA, dan Dewan PGRM milik GERAKAN (di Jalan Cheras, Kuala Lumpur).

Mereka juga mengadakan pesta dan pertandingan tarian singa[19] dan tarian naga di tempat-tempat yang menjadi tumpuan pelancong seperti di Georgetown (Penang), Bukit Bintang Walk (Kuala Lumpur), Petaling Street (*Chinatown* di Kuala Lumpur), Entertainment City (di Genting Highlands) dan bandar Melaka pada musim perayaan agama. Di Pulau Pinang, selain daripada tarian-tarian tersebut dan perayaan-perayaan lain, diadakan juga *Cingay* dan *Kongming*.

Seni bina Cina terdiri daripada kuil, rumah kongsi, Menara Condong di Teluk Intan, rumah kediaman saudagar kaya dan rumah kedai. Seni bina Cina itu umum berada di bandar. Antara yang dijadikan objek pelancongan adalah seperti dalam Jadual 3. Seni bina berkenaan lebih *visiable* berbanding dengan seni bina Melayu.

Bab 2.pmd 51 10/6/2009, 3:04 PM

Jadual 3: Seni Bina Cina yang Ditawarkan dalam Pelancongan Malaysia

Negeri	Rumah Kedai	Kuil	Kongsi	Binaan Inovasi
Pulau Pinang	Seluruh Georgetown, khususnya Kemberley Street— yang disebut "*Chinatown* of Penang"	Kuil Kek Lok See; Kuil Kuan Ying Teng (di Jalan Kapitan Keling); Kuil Ular; Kuil Laksama Cheng Ho (di Kampung Batu Maung)	Khoo Kongsi; Cheong Fatt Tze	
Melaka	Hampir seluruh bandar Melaka, terutamanya Jonker Street— yang disebut "*Chinatown* of Melaka"	Kuil Hoon Teng (1646); Kuil Sam Po Kong; Perigi Hang Li Poh (1459); dan Kuil Cheng Laksama Ho		Auyin Hill Resort (di Durian Daun)
Kuala Lumpur	Hampir seluruh bandar lama, khususnya di Petaling Street—yang disebut "*Chinatown* of Kuala Lumpur"	Kuil Theen Hon (di Jalan Klang Lama); Kuil Chan See Shu Yan		
Perak	Seluruh Bandaraya Ipoh dan bandar-bandar lain	Kuil Tong (1926); Kuil Sam Poh Tong		Menara Condong di Teluk Intan (1885)

Sumber: Pelbagai alat pemasaran pelancongan terbitan agensi kerajaan pusat dan kerajaan negeri Pulau Pinang, serta syarikat-syarikat swasta dalam dan luar negara, 1998 hingga 2002.

Antara contoh bagaimana seni bina Cina dikomodifikasikan ialah seperti diiklankan oleh sebuah pamplet terbitan rasmi agensi kerajaan (*Tourism Malaysia* 2001): "This clan temple or kongsi is the most picturesque temple in Penang with intricate carvings of its walls, pillars, and roof created by master craftsmen from China."

Sejarah dan ciri-ciri seni bina Cina dijelaskan dengan begitu terperinci dalam bahan-bahan promosi pelancongan Malaysia. Contohnya, Cheonh Fatt Tze Mansion digambarkan dalam pelbagai bahan promosi

sebagai seni bina klasik di negara ini. Ia dibina pada kurun ke-18 dengan ruang halaman luarnya dibina dengan susunan cubing batu (cobbled courtyards), dindingnya bata berwarna coklat keemasan, dan tangga ke tingkat atas yang berbelit (spiral staircases). Terdapat arca seramik Cina dan tekatan Cina di dalamnya. Kuil Kuan Yin Teng di Pulau Pinang dibina pada tahun 1800 dan disebutkan dengan tuntas dibina oleh para imigran Cina. Kuil Kuan Yin Tenaga, tempat penyembahan "tuhan penyayang" (the Goddess of Mercy). Sebuah kuil Cina yang tidak pernah tercicir dalam hampir kesemua bahan promosi pelancongan ialah Kuil Ular, dibina pada 1850. Sering digambarkan kuil tradisi merupakan satu dedikasi kaum Cina terhadap dewa Chor Soo Kong. Ia dipercayai tempat pertemuan ular (sanctuary of pit vipers) yang menjadi pengasuh dewa berkenaan. Digambarkan ular berbisa tersebut hilang bisanya setelah terkena asap caluk.

Satu tinjauan lapangan akan mendapati imej pagoda Cina telah diadaptasi dalam bangunan-bangunan kontemporer di negara ini. Ini termasuk Genting Highlands, Awana Genting Highlands Golf & Country Club, A' Famosa Water World (Alor Gajah), Taman Air Bukit Merah (Semanggol), The Mines Wonderland, Sunway Lagoon dan Lost of World of Tambun (Ipoh). Di Genting Highlands diadakan "Chinese Ancient City Park" yang mempamerkan objek-objek klasik dari peradaban Cina purba. Tempat itu begitu eksklusif, hanya di kalangan kaum Cina. Pihak pengurusan Genting Highlands juga menyediakan sebuah kuil Cina untuk tujuan ritual bagi orang Cina. Temu bual dengan orang-orang Cina yang mengunjungi tempat tersebut menjelaskan bahawa apabila mereka berada di tempat yang tinggi seperti itu maka mereka dapat "melepaskan" segala masalah yang selama ini dihadapi.

Di Negeri Melaka, pada pertengahan 1990-an sebuah badan korporat Cina membina Auyin Hill Resort, di Durian Daun, dengan kos kira-kira RM10 juta.[20] Ia merupakan "an invented tradition" mengenai sejarah Tanah Besar Cina yang diadakan di negara ini. Ia mempamerkan pelbagai replika seni bina dan monumen yang berasal dari Tanah Besar Negara China. Dalam satu brosur terbitan Perbadanan Ekonomi Negeri Melaka (2000) diiklankan "Constructed based on the philosophy of Feng Shui, the resort is one of a kind in the country." Ia mempertonjolkan imej legasi Cina yang sangat tebal. Ini termasuk replika Tembok Besar China, Pagoda, patung-patung perwira Cina purba, dewa-dewi dan pelbagai monumen dan artifaks yang berakar umbi dari peradaban purbakala Cina. Bahan promosi (2003) yang diterbitkan oleh syarikat berkenaan

Bab 2.pmd 53 10/6/2009, 3:04 PM

mengiklankan "You need not have to go China to see China Great Walls, all ancient Chinese heritages are all here for you." Resort ini merupakan salah sebuah destinasi yang paling kerap dikunjungi oleh kaum Cina dari luar dan dalam negara.

Kraf Cina yang ditawarkan dalam pelancongan juga menawarkan imej kecinaan itu. Secara keseluruhannya ia boleh dibahagikan kepada enam kategori utama iaitu: 1) *religion-goods*, seperti patung Buddha dan dewa-dewi, 2) arca tokoh legenda dan ahli fikir serta pahlawan Cina purbakala, naga dan kuda, 3) tembikar dan seramik seperti pinggang mangkuk dan pasu 4) alat senjata tradisional Cina, 5) perhiasan seperti gelang, rantai, manek dan sulaman, 6) tekstil, fabriks dan sutera.

Item-item tersebut diperbuat daripada bahan-bahan yang cukup bermutu seperti intan permata, jed, emas, kristal dan perak. Kraf perhiasan seperti manek, sulaman, fabriks, sutera tulen dan sebagainya pula membawa ciri-ciri mistik dan misteri kecinaan yang menarik (curious) perhatian banyak pihak. Harganya cukup tinggi sehingga ada yang mencecah ratusan ribu ringgit.

Kraf Cina benar-benar berada di jantung legaran pelancongan Malaysia kerana dijual dan dipamerkan di hyper-malls, super-malls, *Chinatown* dan muzium terkemuka di bandar raya utama seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Melaka. Ini termasuk di gedung-gedung yang ekslusif (dan begitu mahal sewa ruangnya) seperti di Suria KLCC, Mid-Valley, Bangsar Malls, Sungei Wang Plaza dan KL Plaza (Jadual 4) merupakan legaran *tourist upper-circuit* di negara ini. Malah ia dipamerkan di hotel dan taman tema terkemuka. Di Legend Hotel (Kuala Lumpur) diadakan "Chinese Museum" yang mempamerkan patung-patung pahlawan dan artifaks-artifaks purbakala Cina. City Bay-View Hotel (Pulau Pinang dan Melaka), Sunway Hotel-Resort, Genting Highlands dan A'Farmosa Waterworlds mempamerkan kraf dan gambar foto lama berkait dengan warisan orang Cina itu di lobi masing-masing.

Kraf Cina dijual dan dipamerkan di Taman Rama-Rama Pulau Pinang dan Melaka. Di samping itu, ia dipamerkan di muzium milik awam. Sebagaimana telah dinyatakan, Muzium Negara (Kuala Lumpur), Muzium Negeri Pulau Pinang dan Muzium Sejarah Negeri Melaka menyediakan ruang khas mempamerkan barangan antik Cina, terutamanya warisan Cina Peranakan (Baba-Nyonya).

Sejak tahun-tahun 1960-an kaum Cina telah membuka Selangor Pewter Company di Nombor 101, Jalan Genting Klang, Setapak. Ia mempunyai *Demonstration Showroom*; merupakan kedai kraf swasta yang terkenal di kalangan pelancong antarabangsa sejak period tersebut.

Bab 2.pmd 54 10/6/2009, 3:04 PM

Selain itu, sejak tahun-tahun 1980-an kraf pasu Cina dikeluarkan di Ayer Hitam, Johor. Kraf keluaran tersebut mengzahirkan imej yang berakar umbi daripada peradaban Cina di Tanah Besar Negara China. Walau bagaimanapun, dari tinjauan lapangan yang telah dijalankan, para informan umumnya menyatakan pasu keluaran tempatan itu hanya satu "peniruan" (duplikasi) terhadap barangan antik dari Tanah Besar Negara China. Kualiti buatan dan bahannya sememangnya agak rendah jika dibandingkan dengan pasu dari negara China—yang dianggap "pasu asli" oleh masyarakat tempatan. Sehingga ke hari ini, keluaran tempatan itu hanya dianggap "bahan hiasan" (decorative arts), bukannya barangan berkelas "entikuiti."

Kraf Cina yang dianggap antik adalah jenis yang dibawa masuk secara langsung dari Negara China, Taiwan, Hong Kong dan Macao. Kraf Cina yang dianggap asli (aunthentic) di Malaysia, termasuk oleh kalangan komuniti Baba-Nyonya, adalah karya yang menyulami memori, nostalgia, sejarah dan mitos-legenda secara mendalam yang berakar umbi dari peradaban purbakala Tanah Besar Negara China. Misalnya, terdapat syarikat Cina yang menggunakan nama Cina tulen contohnya "*Chinatown* Arts & Crafts Collection Sdn. Bhd." (di Petaling Jaya) untuk menimbulkan keyakinan barangan yang dijualnya merupakan barangan asli dari peradaban purbakala Cina itu.

Kaum Cina juga mempunyai muzium dan galeri khas untuk mempamerkan artifaks Cina. Ia dibuka oleh persatuan keluarga, suku-kaum (clan), orang perseorangan serta NGO warisan kebudayaan kaum Cina. Antaranya ialah Nyonya-Baba Heritage Trust Museum (Melaka), muzium Cina di Wisma Loke (Kuala Lumpur), muzium Chan Chin Mooi (Kuala Lumpur) dan Penang Heritage Trust (Pulau Pinang).

Sejak Tahun Melawat Malaysia Pertama (1990) pihak kerajaan juga turut memberi subsidi dan malah menganjur pesta-pesta Cina seperti Pertandingan Tahunan Perahu Naga di Empangan Teluk Bahang (Pulau Pinang), di mana "pasukan tempatan dan antarabangsa berjuang untuk memperoleh kejohanan pertandingan perahu tradisional Cina" (Brosur *Tourism Malaysia* 1991). Pertandingan ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Industri Pelancongan Negeri Pulau Pinang dan *Tourism Malaysia*. Kerjasama yang sama diberikan dalam penganjuran Pertandingan Perahu Naga di Johor Bahru dan Kuching. Ia dibiayai oleh Kerajaan Negeri masing-masing dengan kerjasama *Tourism Malaysia*

Kumpulan persembahan kebudayaan Cina telah dilibatkan dalam perarakan *Warna-Warna Malaysia* dan *Citrawarna Malaysia*. Sokongan moral, bantuan kewangan dan subsidi kerajaan melalui

Bab 2.pmd 55 10/6/2009, 3:04 PM

Jadual 4: Tempat-tempat Utama Menjual dan Mempamerkan Kraf Cina di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Melaka

Bandar	Lokasi Menjual dan Mempamerkan
Kuala Lumpur	1. *Chinatown* (Petaling Street) 2. Pasar Seni (CM) 3. Muzium Negara 4. Muzium Tan Cheng Loke (Jalan Tuanku Abdul Rahmah) 5. Suria KLCC 6. Mid-Valley 7. KL Plaza 8. Bangsar Malls 9. Sungei Wang Plaza 10. Hotel-hotel besar bertaraf antarabangsa seperti Hotel Legend, Hotel Shangri-la (Jalan Bukit Bintang), Hotel Mandarin, Hotel Renaissance (Jalan Ampang), dan lain-lain
Pulau Pinang	1. Kemberley Street 2. Lebuh Bishop 3. Lebuh Chulia 4. Penang Road 5. Muzium Negeri Pulau Pinang 6. Hotel-hotel besar bertaraf antarabangsa seperti Hotel Shangri-la (di KOMTAR), Hotel Hilton (Batu Feringghi), dan lain-lain
Melaka	1. Gedung-gedung barangan antik di Jonker Streets 2. Gedung-gedung barangan antik di Jalan Tan Cheng Loke 3. Muzium Sejarah Negeri Melaka 4. Muzium Baba-Nyonya, Jalan Tan Cheng Loke 5. Hotel-hotel besar bertaraf antarabangsa seperti Hotel Equatorial, Hotel Renaissance, dan lain-lain

Sumber: Tinjauan Lapangan, Julai 2004

KKKPM dan *Tourism Malaysia* dalam penganjuran pesta Cina menjadi lebih signifikan selepas pelancaran program "Malaysia Truly Asia" dan "Rumah Terbuka Malaysia." Pelancaran Rumah Terbuka tersebut, sebagaimana kebudayaan-kebudayaan kaum lain, telah menjadikan Tahun Baru Cina salah satu acara rasmi negara, setaraf dengan kebudayaan

Bab 2.pmd 56 10/6/2009, 3:04 PM

Melayu. Rumah Terbuka bagi tahun 2003 diadakan di Dewan San Choon, Wisma MCA, dianjurkan oleh MCA dan *tourism* dan dihadiri oleh Perdana Menteri Malaysia (ke-4). Sejak pelancaran "Malaysia Truly Asia" itu juga, *Tourism Malaysia* telah memberi subsidi melalui usahasama dengan pelbagai pertubuhan Cina.

Pertubuhan-pertubuhan Cina membawa masuk kumpulan persembahan dari Tanah Besar Negara China, Hong Kong dan Taiwan semasa musim perayaan Tahun Baru Cina.

Penjelasan di atas agak memadai untuk merefleksi pembangunan kebudayaan di kalangan kaum Cina adalah bertujuan untuk memperkukuh dan merekonstruksikan imej, sejarah, memori, nostalgia, mitos-legenda, etos dan simbol kaum Cina yang berakar umbi dari warisan peradaban nenek moyang mereka di Tanah Besar Negara China. Semua tindakan tersebut memperkukuhkan lambang perkauman kerana ia memperkukuhkan simbol kecinaan dan sempadan etnik di kalangan kaum berkenaan agar berbeza daripada kaum-kaum lain. Objektif kaum Cina ini dilangsungkan melalui pembangunan pelancongan. Melalui wahana ini tindakan tersebut menjadi sesuatu yang *natural*. Mereka mendapat bantuan daripada kerajaan.

Pembangunan Kebudayaan India

Walaupun jumlah orang-orang yang dikategorikan sebagai "orang India" di negara ini hanyalah kira-kira sembilan peratus dari semua jumlah penduduk Malaysia namun mereka merupakan komuniti yang paling *heterogeneous*; begitu banyak segmentasi keturunan dan penganutan agama. Antara anutan agama di kalangan mereka ialah Hindu, Islam, Sikh, Bahai dan Kristian. Oleh itu, terdapat begitu banyak kebudayaan dari benua India itu.

Kebudayaan dari India yang mempunyai kedudukan yang signifikan dalam pelancongan Malaysia adalah yang berbenih dari kuil Hindu. Antaranya ialah Deepavali (perayaan cahaya), Thaipusam (perayaan memperingati hari lahir Dewa Subramaniam di mana para penganut Hindu melakukan Kavadi untuk menyucikan diri dari dosa) dan perayaan Masi Magam (perarakan patung emas Dewa Subramaniam dengan kereta kuda perak).

Dianjurkan oleh pertubuhan kuil Hindu, walau bagaimanapun, ia dibantu juga oleh pertubuhan-pertubuhan bukan mencari keuntungan (non-profit bodies) dan syarikat perdagangan yang pro-aktif terhadap Hindu. Selain itu, ia disokong oleh parti politik perkauman India, iaitu,

Bab 2.pmd 57 10/6/2009, 3:04 PM

Malaysian Indian Congress (MIC) dan Progressive People's Party (PPP).

Deepavali merupakan salah satu perayaan rasmi yang diluluskan oleh kabinet dalam Rumah Terbuka Malaysia. Cuti umum diberikan oleh pihak Kerajaan di seluruh Malaya. Upacara agama Hindu yang benar-benar menjadi produk pelancongan ialah upacara Thaipusam di Batu Caves dan di Waterfall Temple di Pulau Pinang. Para pelawat ke upacara di kedua-dua kuil tersebut terdiri daripada tiga golongan. Pertama, penganut Hindu dari seluruh negara yang melakukan "perjalanan agama" (pilgrimage), kedua, pelancongan domestik, dan ketiga, pelancong antarabangsa.

Di Pulau Pinang, perhimpunan raksaksa juga berlangsung di Waterfall Temple. Di Melaka upacara yang sama diadakan di Gajah Berang. Pada sebelah malamnya diadakan upacara perarakan berhala dengan kereta lembu (chariot) berhias di jalan raya diiringi dengan bunyi-bunyian alat muzik kuil. Pesta penganut Hindu itu sentiasa ditonjolkan dalam bahan promosi terbitan Kerajaan sejak awal kemerdekaan sehingga kini, iaitu, sejak zaman DOT, TDC, KKKPM sehinggalah ke KP kini.

Satu lagi kebudayaan India yang dibangunkan sebagai produk penting dalam pelancongan Malaysia ialah *Little India*. *Little India* di Malaysia berbeza sama sekali daripada *Little India* di negara-negara lain seperti di Indonesia, Thailand, Myanmar, Laos, Kemboja dan Vietnam. *Little India* di negara-negara tersebut adalah dalam bentuk kompleks bekas tapak kuil Hindu-Buddha dan saki baki komuniti peninggalan peradaban India purba di rantau ini. Misalnya, antara *Little India* di Indonesia adalah Candi Borobudur dan Candi Mendut, dan kuil serta komuniti Jawa yang masih penganut Hindu-Buddha di Bali dan Jawa Timur. *Little India* di Thailand dapat dilihat pada nama bandar Ayuthia yang berasal dari nama bandar purba "Ayudha" di India.

Sebaliknya, *Little India* di Malaysia adalah sebuah kawasan perniagaan (market street) dalam bandar moden yang muncul pada zaman moden yang muncul pada zaman kolonial British seawal abad ke-19. Ia dibina oleh para pedagang kapitalis moden dari India. Perhubungannya dengan India masih hidup sehingga sekarang. Di samping itu, ia berfungsi dalam kehidupan hari ini dan pelanggannya terdiri daripada semua bangsa. Antara penjelasan yang diberikan dalam alat pemasaran pelancongan mengenainya: "Since their early periods settling in this country the Indian stayed in two major places, the rubber plantations estates, and in the *Little India* of the main towns. They established *Little India* such as in

Bab 2.pmd 58 10/6/2009, 3:04 PM

Kuala Lumpur at Jalan Masjid India (Indian Mosque Street), in Penang at Chuliah, and in Melaka at Jonker Street."

Ciri-ciri umumnya ialah kewujudan barisan rumah kedai orang India menjual peralatan sembahyang agama Hindu (dengan semerbak bauan kemenyan India) dan juga barangan pengguna dari India yang digemari oleh semua bangsa dan agama termasuk kain, kraf, permaidani, rempah ratus, sirih dan bunga. Alat pemasaran pelancongan mengiklankan:

> *In Market Street and noted for textile and spice shops and restaurants, it is a must-see thanks to its vibrant street life. You can learn to buy a saree or tie one here, pick up a luxurious Kashmiri woollen shawl for under RM50 and buy lengths of Bangalore silk and cotton in brilliant hues. Catch the fragrance of jasmine garlands and sniff spices like cinnamon and cardamom* (terbitan Tourism Malaysia 2002).

Kebanyakan bandar dan pekan mempunyai kedai orang India, tetapi *Little India* yang benar-benar mempunyai kedudukan signifikan dalam pelancongan Malaysia ialah Chuliah Street, Pulau Pinang, dan Jalan Masjid India, Kuala Lumpur.[21] Tempat-tempat ini sudah terkenal baik di kalangan orang tempatan mahupun orang luar sejak zaman-berzaman.

Selain mempunyai kedai menjual barangan dari India, tempat-tempat tersebut juga menyediakan hotel bajet. Chuliah Street dikunjungi pelancong antarabangsa bermula dengan kewujudan *back-packers* pada dekad 1960-an.

Jalan Masjid India di Kuala Lumpur lebih banyak dikunjungi oleh orang Melayu tempatan untuk membeli-belah. Pada masa ini ia mempunyai hotel bertaraf sederhana seperti Hotel Prince. Dari segi imej, kedudukan *Little India* tidak banyak berbeza daripada *Chinatown*, iaitu, ia berupa salah satu unsur asing yang dipertahan dan dipelihara melalui tindakan mengkomoditifikasinya dalam pasaran pelancongan. Antara langkah tersebut pada pertengahan tahun 2004 pihak DBKL membangun tempat ini dengan membina peneduh dan gerai yang tersusun. Gerai-gerai tersebut menjual barangan murah dan berpatutan dengan golongan sederhana ke bawah di kalangan orang Melayu.

Pesta Kristian

Pesta-pesta yang berbenih dari agama Kristian adalah seperti berikut.

1. Krismas, suatu perayaan di kalangan penganut Kristian dari pelbagai mazhab.

Bab 2.pmd 59 10/6/2009, 3:04 PM

2. Feast of Santa Cruz (pada bulan September**),** perayaan tahunan bagi penganut Katolik. Ia suatu perayaan peringatan "the Feast of the Exaltation of the Holy Cross." Antara tempat yang mengadakan upacara ini secara besar-besaran ialah di Malim, Melaka.
3. Palm Sunday Procession, terutamanya dirayakan di Melaka, biasanya pada 16 Mac setiap tahun. Ia adalah suatu perarakan agama dan acara utamanya ialah perarakan patung Christ yang disalib mengelilingi St. Peter's Church (gereja *ecclesiastical edifice* tertua di Malaysia) di Bunga Raya, Melaka. Beribu-ribu penganut agama ini dari pelbagai bangsa, terutamanya komuniti kacukan Indo-Portugis, berarak dengan membawa lilin yang dinyalakan.
4. Feast of St. Peter, lazimnya diadakan pada 19 Jun setiap tahun, suatu pesta di kalangan nelayan beragama Katolik di Melaka.

Hari Krismas adalah cuti umum bagi seluruh negara. Berbeza daripada perayaan-perayaan dalam agama lain, suasana perayaan (happenings) Krismas lebih dirasakan berlaku di hotel, super market, malls, leisure parks dan di rumah, berbanding dengan di rumah ibadatnya, iaitu gereja.

Krismas dijadikan salah satu acara rasmi dalam Rumah Terbuka Malaysia. Pelbagai perayaan Kristian itu diprojeksikan dalam pelbagai alat promosi. Pihak Kerajaan sentiasa memberi bantuan termasuk subsidi dalam penganjuran pesta-pesta tersebut khususnya di tempat yang dianggap dapat menarik pelancong.

Pesta-pesta Kalangan Masyarakat Minoriti

Antara komuniti-komuniti yang dianggap kaum minoriti di Malaysia ialah komuniti Orang Asli (terdiri daripada beberapa kelompok suku etnik di merata tempat), Indo-Portugis di Melaka, orang Siam (di Kedah, Kelantan dan Perak), Cina Baba-Nyonya di Melaka, Ceti (Chattier) di Melaka, dan beberapa komuniti lain yang tidak dapat diklasifikasikan. Perayaan-perayaan di kalangan kaum minoriti tersebut yang ditawarkan dalam pelancongan Malaysia ialah:

1. *Sewang*: upacara perubatan secara ritual di kalangan Orang Asli
2. *Festival of San Pedro***:** Dianjurkan oleh komuniti Indo-Portugis di Melaka, biasanya pada 24 Jun hingga 26 Jun setiap tahun.[22] Ia berupa suatu perayaan untuk merayakan hari lahir "patron saint of

Bab 2.pmd 60 10/6/2009, 3:04 PM

fishermen," bernama San Pedro. Bot-bot nelayan dihiasi indah dan disucikan dengan "air suci" dan doa. Tujuan perayaan ini adalah untuk memperoleh tangkapan yang lebih baik pada musim akan datang

3. *Puja Ketek*: suatu perayaan tahunan di kalangan orang Siam yang menganuti Buddha. Ia diadakan di kuil-kuil di Tumpat, Kelantan
4. *Pesta Songkran:* suatu perayaan mandi khalayak ramai di kalangan orang Siam di Kedah, Perlis dan Perak. Ia diadakan pada 13 hingga 15 April setiap tahun. Dalam pesta tersebut diadakan "the Miss Songkran Parade" dan upacara melepas ikan dan burung sebagai simbol kebebasan dan kemanusiaan
5. *Perayaan Berjalan Di Atas Api*: biasanya diadakan pada bulan September setiap tahun. Ia dilakukan oleh sekumpulan penganut Hindu di kuil di Gajah Berang, Melaka

Walaupun diamalkan oleh kelompok-kelompok masyarakat kecil – dan sebahagiannya bersifat mikroskopis – namun perayaan-perayaan kaum minoriti ini mempunyai kedudukan signifikan dan mencorak landskap sifat kepelbagaian kebudayaan negara ini. Bahan-bahan promosi dan siar raya awam (publicity materials), terutamanya yang diterbitkan oleh agensi Kerajaan, sentiasa menonjolkannya. Pada setiap musim pesta pelancongan, seperti Pesta Malaysia, Warna-Warna Malaysia, Citrawarna Malaysia, "Malaysia Truly Asia," Tahun Melawat Malaysia dan Tahun Melawat Negeri, pihak Kerajaan memberi subisidi kepada pihak-pihak berkenaan untuk menganjurkan pesta-pesta tersebut.

Jelasnya tidak ada satu pun komuniti yang tercicir daripada dipertonjolkan dalam pelancongan Malaysia, termasuk "bangsa serpihan" seperti Siam, Indo-Portugis dan Ceti (golongan peminjam wang). Kesemua peringkat kerajaan menggalakkan perkembangan kebudayaan minoriti itu termasuk Kerajaan negeri Kelantan, sebuah negeri majoriti masyarakat Islam yang paling besar di negara ini. Misalnya *Berita Harian* (21 Jun 1994) melaporkan "Kerajaan negeri sedang mengambil langkah sewajarnya untuk memperkembangkan kesenian dan kebudayaan tradisi rakyat Kelantan daripada penduduk keturunan Thai dan Cina di negeri ini. Ini adalah antara usaha kerajaan negeri, menerusi Bahagian Pelancongan dan Kebudayaan negeri, untuk memperbanyakkan lagi kesenian dan kebudayaan rakyat Kelantan sebagai salah satu produk pelancongan."

Bab 2.pmd 61 10/6/2009, 3:04 PM

Persembahan Kebudayaan Asing

Kemasukan kumpulan persembahan asing ke negara ini dapat dibahagikan kepada tiga bentuk: 1) Kumpulan persembahan yang mengadakan kontrak persembahan di hotel, pub, night club, bar, kabaret dan premis-premis hiburan lain, 2) Kumpulan persembahan dari luar negara yang mengadakan persembahan untuk sesuatu majlis khas, dan 3) Persembahan yang dianjurkan secara rasmi oleh pihak kerajaan seperti dari negara-negara ASEAN dan delegasi diplomatik dari pelbagai negara dari seluruh dunia.

Kumpulan persembahan dan artis dari luar negara yang mengadakan kontrak persembahan di hotel, pub, night club, bar, kabaret dan premis-premis hiburan lain umumnya dari Filipina, Taiwan, Indonesia dan China. Sehingga ke hari ini, penghibur dari Filipina masih menguasai pasaran artis penghibur itu.

Artis dan kumpulan persembahan dari Hong Kong, Taiwan, China dan negara-negara Eropah sentiasa mengadakan persembahan di Kota Keriangan (Entertainment City) di First World Plaza, Genting Highlands. Misalnya, pada 16 Julai 2005 persatuan penghibur Cina di Malaysia bekerjasama dengan persatuan penghibur Hong Kong menganjurkan acara Malaysian *Global Chinese Awards* di Genting Highlands.[23]

Dalam akhbar *The Star* (22 Ogos 2002) diiklankan "Egyptian Night" at Hilton Hotel Kuala Lumpur, in August 2002. One of the entertainment space in the local newspaper reported: "An Evening with Cleopatra: Hilton Hotel's Top Key Club (TKC) supporters were transported back to the period of Cleopatra and Mark Anthony wit belly-dancing performers and other fun events through the partnership of main sponsors like MAS Golden Holidays, Nestle, British American Tobacco and many others. Guests were treated to Western, Japanese, Chinese and Malaysian cuisines and it being an 'Egyptian Night,' there was also an Egyptian Corner Tabouleh, Oriental Cheese Salad, Kobebah, Babagenough, Chicken Shawana and desserts like Omm Ali and Bakhlawa. The guests enjoyed the array of food. Hotel staff began the night with an energetic dance routine 'Walk like an Egyptian.'"

Dalam brosur terbitan *Tourism Malaysia* (2003) diiklankan "In August 2002 there was 'Hawaii International Dance Festival 2002' held in Kuala Lumpur. The participants were from abroad and local. The Malaysian group represented by Dancesteps Studio (in Desa Sri Mas, Kuala Lumpur).

Bab 2.pmd 62 10/6/2009, 3:04 PM

Colmar Tropicale (Bukit Tinggi Resort) sering membawa kumpulan penari klasik Perancis, Moulin Rouge, untuk mengadakan pakej *Gala Dinner & Accommodation*. Bayaran bagi seorang RM250. Dalam satu iklan (*The Star* [Business 14 November 2002: 13) Colmar Tropicale (Bukit Tinggi Resort) mengiklankan "Only at Colmar Tropicale! With the entire French Village reserved exclusively for registered guests, it'll be the party of all parties for you, your family and friends."

Pada 7 April 2002 IIFA (*International Indian Film Association*) mengadakan pesta penyampaian hadiah bagi filem-filem keluaran Bollywood (IIFA Award) di Kota Keriangan (First World Plaza), Genting Highlands. Kesemua perkhidmatan dan kemudahan di sebalik acara ini adalah disediakan oleh orang Cina. Pihak penyiar antarabangsa adalah syarikat Wizcraft International. Dalam upacara pembukaan dan penutup diadakan tarian tradisional "Melayu" dengan dimasukkan pelbagai unsur. Dalam upacara penutup, sekumpulan penari membawa keluar wayang kulit, peralatan perkahwinan Melayu, dan sekumpulan penari lain berpakaian Dayak (Sarawak). Mereka menyanyi pelbagai lagu asli etnik peribumi seperti *mak inang* dengan korus perkataan Iban.

Selain itu, pertubuhan-pertubuhan Cina membawa masuk kumpulan persembahan dari Tanah Besar Negara China, Hong Kong dan Taiwan semasa musim perayaan Tahun Baru Cina. Kumpulan tersebut lazimnya terdiri daripada kumpulan persembahan akrobatik, opera Cina dan muzium klasik Cina. Selain itu, mereka juga menjemput kumpulan persembahan moden dari negara-negara asing itu. Misalnya sebuah iklan di papan tanda di Dewan Sri Pinang, Pulau Pinang mengiklankan:

> *ZaoXinChang Theatre Troupe (ZXC) is please to bring to your attention our forthcoming event in April – Lighting Course for beginner to intermediate. This 3-day (19 hours) lighting course is conducted by Mr. Rose Chin, an experience lighting designer in Dewan Sri Pinang, Penang. The aims of the lighting course are to introduce basic lighting theory and to provide an opportunity for the participants to practice lighting on stage.*

Jelasnya, selain menjadi ruang yang memperkukuhkan kebudayaan kaum yang sedia ada di dalam negara, pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan di Malaysia juga menjadi sebuah "pentas mega" bagi persembahan hiburan dari luar negara. Ini menambah lagi kecacamerbaan kebudayaan Malaysia dalam mencorak identiti bangsa Malaysia.

Bab 2.pmd 63 10/6/2009, 3:04 PM

Pembinaan Identiti Kebudayaan Bangsa Malaysia: Imej yang Sedia Terbina dan Dibina

Kajian ini telah menyemak pelbagai bahan promosi meliputi brosur, pamplet, buku panduan pelancong dan poster terbitan Pejabat Pelancongan (Department of Tourism, 1959-1971), TDC (1972-1991) dan *Tourism Malaysia* (1992 hingga kini). Di samping itu, semakan juga dibuat terhadap akhbar, majalah dan buku panduan pelancong sezaman yang diterbitkan oleh pelbagai pihak dari awal merdeka sehingga kini. Alat-alat promosi tersebut mempertonjolkan kesemua aspek keagamaan dan kebudayaan pelbagai kaum di Malaysia meliputi perayaan agama, masjid, kuil, gereja, kraf, persembahan, kesenian rakyat (folk arts), adat resam, permainan rakyat (folk games) dan kehidupan seharian (*living culture*) pelbagai kaum.

Seawal merdeka lagi, imej yang ditonjolkan dalam brosur dan pamplet terawal terbitan DOT[24] iaitu tahun 1959 ialah 1) wanita Melayu berpayung dan melambai, 2) gerbang A'Famosa (Porta de-Santia# o), 3) bangunan stesen kereta api Kuala Lumpur, 4) Bangunan Sultan Abdul Samad, dan 5) Pagoda Kek Loke See. Dalam brosur dan pamplet DOT 1962 dimasukkan pula imej Masjid Ubudiah di Kuala Kangsar, Bangunan Parlimen, rumah Melayu tradisional iaitu bentuk Rumah Melaka dan Rumah Minang. Dalam brosur dan pamplet DOT tahun 1963, dengan kemasukan Singapura, Sabah dan Sarawak, ditonjolkan imej kebudayaan pelbagai kaum dan juga suku kaum Sabah dan Sarawak (ini disebutkan juga dalam *TMRA* (1967: 7).

DOT menerbitkan juga risalah-risalah kecil (factual information) seperti *Festival Malaya* (1960) dan *Festival Malaya – Special Coming Events in the Federated of Malaya* (dari 1967-1969). Selain itu, DOT antara 1959 hingga 1966 menerbitkan poster dengan tajuk *Memo from Malaya/Malaysia, Cameron Highlands, National Park, Kuala Lumpur – Capital City, National Museum, Fraser's Hill, Full Colour Murals, Festival Malaya/Malaysia, Malacca – Malaysia's Heritage City, Pangkor and Dinding' (in fullcolours), Kuala Lumpur – Convention City of the Southeast Asia* (dua warna).

Brosur dan pamplet DOT antara tahun 1965 hingga 1969 menonjolkan juga Kota Tinggi, Bako Park (Sarawak), Mount Kinabalu dan Templer Parks (*TMRA* 1965-1969). Pada 1966-1967 DOT menerbitkan filem berjudul "Malaya" dan "Cities of Malaya" (*TMRA* 1967: 6). Pada 1966 sebuah filem hitam putih berjudul "Seeing Malaysia by Caravan" menonjolkan 104 orang pelancong Amerika Syarikat menaiki

Bab 2.pmd 64 10/6/2009, 3:04 PM

motor caravans melakukan satu pengembaraan di negeri-negeri pantai Semenanjung diedarkan (ini disebutkan juga dalam *Malaysia Year Book 1966/67*, 1967: 298). Brosur dan pamplet DOT tahun 1967 menonjolkan imej kepelbagaian kaum yang bercampur gaul mesra. Ia menonjolkan juga pelbagai seni bina warisan legasi kolonial, seni bina Melayu dan seni bina Cina dan India. Di samping itu, ia juga menonjolkan imej pembangunan negara seperti kawasan bukit yang baharu ditanam dengan kelapa sawit. Imej-imej ini terus dipertonjolkan dalam alat promosi tahun 1968 hingga 1970 (ini disebutkan juga dalam *TMRA* 1967, *TMRA* 1968, *TMRA* 1970). Gua kuil Hindu di Batu Gaves dan di Ayer Hitam Pulau Pinang juga dipertonjolkan dalam brosur DOT tahun 1967 itu.

Imej-imej dipromosikan sejak era DOT dapat digambarkan dari laporan *Tourism in Malaysia: Review of Activities* (1969: 1):

> *The largest and copy theme consumer and trade media advertising highlighted the diverse attractions of Malaysia – from warm golden beaches to cool hill resorts – the sophisticate cosmopolitan population of its cities and the many and colourful native races of East Malaysia*.

Imej seumpama inilah yang dibekalkan oleh DOT kepada saluran promosi di luar negara seperti *Orientalis Tours Magazine* (Manila), *Qantas* (Australia), *Global Courier* (Jepun), *Pacific Panorama* (Australia), *Washington Post and San Diego News* (Amerika Syarikat) (*TMRA* 1965 dan *TMRA* 1967). Pihak-pihak bukan-Kerajaan juga menonjolkan imej kepelbagaian itu. Antaranya tulisan G.G. Clement (1961) bertajuk *The Federation of Malaya* dalam *The future of tourism in the Pacific and Far East* dihuraikan kehidupan harian pelbagai kaum sebagai *Living Culture* di Malaya.

Pada tahun 1971 DOT menaja penerbitan buku panduan pelancong bertajuk *Papineau's Guide*. Buku ini seolah-olah sebuah buku sejarah-sosial mengenai bangsa Malaysia. Menjelaskan asal-usul dan *Living Cultures* masyarakat Peribumi dan juga kaum-kaum Cina dan India.[25] Antara disebutkannya:

> *Typical daily, ordinary lives of the locals of Malaysia could be divided into many localities, namely the towns, fishing villages, rural paddy planting villages, rubber estates, tin mines and Chinese New Villages." Dalam kerangka begini, ia mengiklankan "The Malay, especially in Kedah, Kelantan, Perlis and Northern Perak are rural paddy planters. They are fishermen too. Malays' small, picturesque fishing villages, such as Beserah, near Kuantan*

Bab 2.pmd 65 10/6/2009, 3:04 PM

Pahang, earn their living from the sea. In Kota Bharu, women selling and dominating business.

Buku panduan pelancong itu juga mengiklankan kaum Cina tinggal di bandar, mendominasi ekonomi dan perniagaan serta perlombongan. Orang India digambarkan tinggal di estet serta dikaitkan dengan buruh perladangan dan pembinaan. Komuniti Cina Baba-Nyonya, komuniti Portugis, Siam, Orang Asli serta suku kaum di Sabah dan Sarawak diiklankan hidup dalam kelompok tersendiri (*Papineau's Guide* 1971: 49-60).

Di samping itu, buku tersebut mempromosikan kesemua aspek keagamaan dan kebudayaan pelbagai kaum meliputi perayaan agama (Islam, Hindu, Buddha dan Kristian), masjid, kuil, kraf, persembahan seni kebudayaan, kesenian rakyat (folk arts), adat resam, permainan rakyat (folk games) dan kehidupan seharian. Ia juga mengiklankan juga pesta-pesta yang diadakan pada hari-hari kebesaran negara dan negeri. Misalnya "Malaya day is celebrated with much enthusiasm on August 31. Public building are illuminated and street decorated. There are processions, stage shows, music festival and great variety of othe events" (*Papineau's Guide* 1971: 49).

Imej streotaip *Living Culture* pelbagai kaum itu – yang hidup berasingan mengikut fungsi ekonomi dan tempat tinggal – terus dijadikan "aset" dalam alat-alat promosi TDC dan *Tourism Malaysia* sehingga ke hari ini. Sebagaimana telah dibayangkan, *Living Culture* dalam bentuk seumpama tersebut diperkukuhkan lagi oleh alat pemasaran dan publisiti awam dengan memberi "keterangan yang menggegarkan" (vibrated wordings) mengenai latar belakang sejarah, asal usul, adat resam masyarakat, kepercayaan, amalan kebudayaan dan tempat tinggal masyarakat pelbagai kaum itu. "Keterangan" akar umbi masyarakat-majmuk Malaysia dijadikan suatu "produk" pelancongan.

Sejak tahun 1992 *Tourism Malaysia* telah mengadakan langkah untuk menimbulkan imej Malaysia yang jelas. Cara yang dilakukan oleh agensi Kerajaan ini ialah dengan mempromosikan hanya lapan destinasi; bukannya kesemua destinasi di Malaysia. Kemudian, pada tahun 1998 ditambah empat lagi destinasi untuk diberi fokus, menjadi 12 destinasi kesemuanya. *Marketing Plans 1998* (1997: 15) menjelaskan "Beside being clear and specific which is a strategy to meet the requirements of today's market trend, the *product based* marketing with the 12th destinations attempt to differentiated the image of Malaysia from its neighbouring competitors." Penonjolan 12 destinasi ini dianggap "the

Bab 2.pmd 66 10/6/2009, 3:04 PM

reflection of the true image of Malaysia" (*Marketing Plans 1998*, 1997: 17). Dari segi komersil, tujuan penonjolan itu adalah untuk "menimbulkan imej Malaysia yang kontras" iaitu destinasi-destinasi yang diberi fokus itu mempunyai keunikan tersendiri. Dengan itu, akan mendorong pelancong melawati kesemuanya. Langkah tersebut juga dijalankan untuk mengurangkan kos promosi (*Marketing Plans 1998* 1997: 16). Maksudnya, kos pengiklanan akan menjadi besar jika kesemua destinasi di Malaysia dipromosikan.

Selain itu, *Tourism Malaysia* juga mengadakan tema pengiklanan bagi sesuatu tahun. Bagi tahun 1987 hingga 1998 adalah seperti Jadual 5.

Jadual 5: Tema Pengiklanan dalam Alat Promosi *Tourism Malaysia* untuk Pelancong Antarabangsa (1987-1998)

Tahun	Tema
1987	This is Where I Really Want to be
1988	To Know Malaysia is to Love Malaysia
1989	Fascinating Malaysia
1990	Visit Malaysia Year 1990
1991-1993	Fascinating Malaysia – Naturally
1994	Visit Malaysia Year Naturally More in 1994
1995-1997	Malaysia Fascinating Destination
1998	Year of Sports and Recreation 1998

Source: *Malaysian Tourism* (MTPB/LPPM) June, 1998.

Sebagaimana dapat diperhatikan, pihak kerajaan berusaha menonjolkan imej yang agak neutral dari segi perkauman. Tidak ada satu tahun pun yang ditonjolkan berasaskan mana-mana kaum. Imej-imej itu disebutkan sama ada atas nama Malaysia secara amnya seperti "To Know Malaysia is to Love Malaysia," "Fascinating Malaysia" dan "Visit Malaysia Year 1990" ataupun atas nama alam semula jadi dan sukan. Melihat pada tema-tema ini seolah-olah pihak Kerajaan berusaha bersikap neutral. Walau bagaimanapun, pada hakikatnya dalam penonjolan aspek-aspek kebudayaan dipertonjolkan imej masyarakat majmuk.

Selain melalui promosi, *Tourism Malaysia* sentiasa membangunkan produk yang menzahirkan imej masyarakat majmuk. Ini ketara dalam kesemua program yang dijalankannya. Antara yang menarik ialah program *Citrawarna Malaysia* dan "Malaysia Truly Asia." Kedua-dua

Bab 2.pmd 67 10/6/2009, 3:04 PM

program ini merupakan antara testimoni tidak berlakunya "marginalization" kebudayaan atau identiti mana-mana kaum, suku-kaum dan puak (tribes). Malah, jelas sekali kesemuanya dipertonjolkan; tidak ada satu pun kebudayaan kaum, suku kaum dan puak yang tercicir. Walaupun sekecil-kecil kebudayaan masyarakat mikroskopis seperti perayaan *Songram* di kalangan masyarakat serpihan Siam dan *sewang* di kalangan orang Asli turut dilibatkan. Kedudukan ini dinyatakan dengan tuntas dalam Rancangan Malaysia Kelapan (2000: 473) iaitu kerajaan berusaha untuk mempamerkan adat resam dan tradisi unik masyarakat berbilang kaum sebagai produk tarikan pelancong. Adunan unik di antara keindahan semula jadi dan kekayaan pelbagai kebudayaan, tradisi, sejarah dan gaya hidup berbagai-bagai kelompok etnik telah menjadi tema yang menarik bagi memajukan pelancongan Malaysia.

Sikap liberal kerajaan terhadap kesemua kebudayaan perkauman itu disambut baik oleh orang Melayu sendiri. Misalnya lidah pengarang *Utusan Malaysia* (23 Julai 1998) dengan tajuk "Pelancongan, kesenian dan kebudayaan" membuat ulasan:

> Kejayaan industri pelancongan sewajarnya kejayaan serampang dua mata; aspek ekonomi dan keupayaan memancarkan nilai tempatan ke dunia antarabangsa. Entiti kebudayaan adalah aset pelancongan yang tidak wajar dipinggirkan. Tanpa mengabaikan kemudahan prasarana seperti perhotelan, pengangkutan dan sebagainya, kebudayaan ada tarikan tersendiri kepada pelancong. Nilai kebudayaan dan kehidupan seharian masyarakat majmuk di negara ini juga harus dilihat dalam konteks industri pelancongan.
>
> Keunikan kebudayaan masyarakat majmuk ini perlu ditonjolkan sama seperti memberi promosi tentang hotel mewah, tempat peranginan termoden atau pesta-pesta. Dan kejayaannya tidak sahaja diukur daripada berapa banyak wang pelancong yang dibelanjakan tetapi sejauh mana nilai kebudayaan memainkan peranan dalam menggerakkan sektor pelancongan.

Kenyataan ini mengungkapkan pembangunan aspek-aspek kebudayaan yang telah diberikan di atas. Ia membayangkan imej masyarakat plural, di samping objek-objek legasi kolonial, merupakan "aset" utama pelancongan Malaysia sehingga ke hari ini. Kenyataan-kenyataan seperti inilah antara contoh bagaimana identiti nasional diungkap, diprojeksi dan dibangunkan dalam pembangunan pelancongan.

Imej yang dijual tidak banyak berbeza daripada tulisan-tulisan kolonial seperti pernah diberikan oleh Raffles (1830 dan 1994), Wilkinson (1957), Winstedt (1920 dan 1961), Skeat (1900), Rentse (1936), Gimlette (1929) dan Braddel (1940).

Bab 2.pmd 68 10/6/2009, 3:04 PM

Komuniti-komuniti lain seperti Cina Baba-Nyonya, Portugis, Siam dan Orang Asli "dijual" sebagai komuniti unik yang sedang menghadapi masalah kepupusan. Masyarakat Bumiputera di Sarawak pula ditonjolkan sebagai komuniti yang masih berada dalam keadaan mundur; tidak berubah daripada keadaan beberapa ratus tahun dahulu. Misalnya, iklan dalam *Going Places* (majalah penerbangan nasional, MAS; September 2000) menyebut bahawa apabila "anda keluar daripada hotel beberapa langkah sahaja anda akan memasuki dunia beberapa ratus tahun ke belakang." Dalam *Going Places* (Disember 1998) diiklankan "berada di Sarawak anda berada di dunia lain." Digambarkan "dunia lain" itu sebagai dunia pemotong kepala (head-hunters), pelanunan (piracy) dan nomad, terutamanya, suku kaum Penan.

Dari segi perancangan negara, "pembangunan masyarakat-majmuk" dengan sifat-sifat yang paling ideal – memenuhi apa yang didefinisikan oleh J.M. Furnivall (1965, 1967 dan 1980) itu – dirancang secara konstruktif oleh pihak kerajaan melalui beberapa cara. Antaranya, melalui penganjuran pesta, membawa kumpulan seni persembahan ke luar negara dan mengadakan persembahan seni kebudayaan dalam upacara-upacara (events) tertentu. Misalnya, menurut laporan rasmi Kerajaan (*Rancangan Malaysia Kelapan*, 2000: 473) tujuan kerajaan menganjurkan *Citrawarna Malaysia* adalah "untuk mempamerkan adat resam dan tradisi unik masyarakat berbilang kaum sebagai produk tarikan pelancong."

Salah satu program terpenting dalam pembangunan pelancongan Malaysia kontemporari ialah "Malaysia Truly Asia" – kerana boleh dianggap dasar induk pembangunan produk pelancongan kerana sejak 1999. Objektif utama program ini adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah "Asia kecil" (Asian miniature), iaitu, sebuah negara yang mempunyai kesemua peradaban Asia, meliputi peradaban masyarakat peribumi (Melayu dan Bumiputera lain), peradaban Cina, peradaban India, peradaban Arab dan peradaban Barat (komuniti Portugis di Melaka) (*Rancangan Malaysia Kelapan* 2000: 473).

Dalam konteks yang ada, baik dilihat secara praktis mahupun teoritis, hampir mustahil bangsa Malaysia dapat dibina sekiranya konsep pembinaan bangsa itu diertikan sebagai usaha (dan ideologi) untuk mewujudkan satu bangsa satu negara. Ini kerana imej identiti bangsa yang dikomodifikasikan dalam pelancongan itu tidak menuju ke arah wujudnya satu bangsa yang identitikal dengan negara. Berasaskan premis ini, sebenarnya tidak ada bangsa yang ingin dibina. Sebaliknya, apa yang telah dan sedang berlaku dalam pembangunan pelancongan ialah proses

Bab 2.pmd 69 10/6/2009, 3:04 PM

pengukuhan *plural-society* dengan ciri-ciri seperti diungkapkan oleh J.M. Furnivall (1965, 1967 dan 1980) itu secara konstruktif. Hakikat dapat dilihat dengan serta-merta pada tema-tema kebudayaan yang dibangunkan dalam sektor industri ini.

Secara keseluruhannya, tema produk kebudayaan Malaysia itu sendiri adalah "cacamerba" kerana tidak ada satu identiti jelas sehingga tidak dapat diungkapkan lain untuk mengungkapkannya selain daripada "Kesatuan dalam Kepelbagaian" – satu eufomisme kepada masyarakat-majmuk seperti pernah digagaskan oleh Furnivall pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua itu. Hujah ini dapat diasaskan kepada dari dua hakikat. Pertama, tema-tema kebudayaan dan peradaban Malaysia merupakan himpunan kebudayaan bangsa yang bersifat *poligenesis*; bukannya bermula dari benih yang sama. Sehubungan itu, "peradaban Malaysia" yang dibina oleh sektor pelancongan bukanlah kebudayaan yang berasal-usul daripada peradaban Melayu dan Bumiputera lain semata-mata tetapi juga berakar umbi dari *epoch* sejarah kolonialisasi, peradaban pemastautinan kaum Cina, peradaban pemastautinan orang dari India, peradaban Arab, peradaban Ceti, peradaban Cina Baba-Nyonya, peradaban Siam dan sebagainya.[26] Perspektif *poligenesis* seperti ini dianggap *valid* – sekurang-kurangnya di kalangan para pelancong baik dari luar mahupun dalam negara – kerana imej ini diprojeksikan dalam alat promosi yang diterbitkan oleh badan-badan rasmi seperti *Tourism Malaysia* dan UPEN sendiri.

Kedua, aspek-aspek kebudayaan asing, termasuk legasi penjajah Portugis, Belanda dan British, dan imej-imej tradisional Barat dan China yang diberi inovasi baru seperti istana Perancis di Colmar Tropicale (Bukit Tinggi Resort) serta pagoda di Genting Highlands dan the Mines Wonderlands, diterima sebagai sebahagian daripada kebudayaan Malaysia.

Sehubungan itu, pembangunan pelancongan-kebudayaan Malaysia mempunyai dua sisi. Pertama, merupakan suatu proses merekonstruksikan sejarah, etos, memori, mitos-legenda dan nostalgia pelbagai kaum. Kedua, merupakan penerusan proses penambahan-nilai (value-added) sifat kemajmukan kebudayaan di negara ini.

Lantaran itu, secara teoritisnya "kesatuan kebudayaan" Malaysia yang bakal dibina – sekiranya dapat dibina sekalipun – melalui pembangunan pelancongan Malaysia adalah dalam bentuk "a unity of compartmental cultures." Dengan perkataan lain, pembangunan dalam sektor industri ini akan mengekalkan sifat "a community of nation" iaitu satu bangsa yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Kenyataan inilah

Bab 2.pmd 70 10/6/2009, 3:04 PM

menjadi asas tesis dalam seluruh kajian ini dalam memperkatakan perhubungan antara pembangunan pelancongan-kebudayaan dengan pembinaan bangsa Malaysia.

Kesimpulan

Banyak perkara yang tidak dapat diperoleh – atau belum dijelaskan dalam laporan-laporan kerajaan tentang pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan di negara ini. Makalah ini memaparkan realiti bahawa pihak kerajaan bukanlah satu-satunya pihak yang menjalankan pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan di negara ini. Secara keseluruhannya, pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan di negara ini berlaku dalam bingkai sistem Federalisme dan dijalankan oleh masyarakat-plural dan juga dalam ekonomi bebas bersifat *leisure-faire*. Dapat disimpulkan terdapat sekurang-kurangnya tiga pihak utama yang menjadi pemain dalam pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan di negara ini iaitu: 1) Kerajaan, 2) Masyarakat pelbagai kaum, dan 3) Pengusaha atau pihak pengurusan dalam sektor pelancongan. Jelasnya, Kerajaan hanyalah salah satu pihak antara pelbagai pihak dalam pembangunan aspek-aspek ini. Terdapat pelbagai pihak yang menjalankan usaha tersebut adalah berasaskan kaum. Malah, dapat dihujah pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan mencerminkan sifat polarisasi perkauman.

Makalah ini menghujah bahawa satu penyelidikan tentang pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan di negara ini memerlukan kefahaman tentang apa dikatakan "peradaban Malaysia" itu bukanlah satu peradaban yang berakar dari satu benih bangsa yang tunggal, tetapi berakar umbi daripada pelbagai kaum. Ini menjadi kebudayaan, kesenian dan warisan bersifat poligenesis, iaitu, terdiri daripada gabungan peradaban-peradaban dan agama-agama yang dianuti oleh semua kaum. Setiap kaum di negara ini mempunyai sejarah, etos, memori, mitos-legenda dan nostalgia serta unsur inti tersendiri yang berbeza daripada kaum-kaum lain. Unsur-unsur ini dengan sendirinya menyebabkan "peradaban Malaysia" itu satu peradaban yang bersifat segregasi kaum.

Makalah ini sedikit sebanyak mengungkapkan pembangunan aspek-aspek kebudayaan, kesenian dan warisan sebenarnya agak tepat direpresentasi dengan program "Malaysia Truly Asia." Dalam banyak keadaan, terutamanya dalam sektor pelancongan, masyarakat majmuk

Bab 2.pmd 71 10/6/2009, 3:04 PM

dijadikan merupakan "aset" paling utama. Apa yang terpantul daripada pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan oleh pelbagai pihak itu ialah kesatuan identiti Malaysia adalah berbentuk "a structure of difference identities." Selain itu, apa yang terpantul dalam pembangunan aspek-aspek ini ialah identiti Malaysia berkembang dalam sistem *laissez-faire*. Tidak ada budaya yang dominan di negara ini. Kesemua item kebudayaan, kesenian dan warisan perkauman itu dianggap penting. Realiti yang berlaku ialah berlakunya pembangunan identiti kumpulan etnik minoriti. Malah aspek-aspek kebudayaan, kesenian dan warisan Melayu yang sering disebutkan "dominan" – kerana diamalkan oleh masyarakat peribumi, masyarakat majoriti dan masyarakat yang menguasai politik negara – berada pada martabat yang sama taraf dengan budaya Cina, India, Ceti, Siam, Kadazan, Iban, Orang Asli dan segalanya itu. Realiti inilah barangkali yang benar-benar tidak ada dalam laporan rasmi kerajaan.

Nota

[1] Lihat misalnya, Wood, R.E. 1984. Ethnic tourism: the state, and culture change in Southeast Asia. *Annal of Tourism Research*. 11 (3): pp. 353-374; Rex, J. 2001. *The Concept of a Multicultural Society*. Dalam Guibernau, Monserrat and Rex (eds.). *The Ethnicity Reader, Nationalism, Multiculturalism and Migration*. Cambridge: Polity Press, pp. 205-220; McKercher, B. And H. du Cros. 2002. *The partnership between tourism and cultural heritage management*. New York, London and Oxford: The Haworth Hospitality Press; Graburn, N.H.H. 1997. Tourism and cultural development in East Asia and Oceania. Dalam Shinji Yamashita, Kadir H. Din and J.S. Eades (eds). Tourism and cultural development in Asia and Oceania. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Pp. 194-211.

[2] Di kalangan pengkaji yang serius, laporan rasmi tentang pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan dapat digeledah dalam laporan Muzium Perak sejak tahun 1883, atau laporan RIDA sejak tahun 1956.

[3] Pada masa laporan-laporan rasmi kerajaan dapat diperoleh melalui internet.

[4] Tylor, E.B. 1958. *The Origin of Culture*. New York: Harper Torchbooks.

